



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8433]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 47 [Ruangan 8469]

Maksud B. 48 hingga B. 50 [Ruangan 8490]

Maksud B. 51 hingga B. 56 [Ruangan 8515]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986:

Jawatankuasa—

Maksud P. 47 [Ruangan 8469]

Maksud P. 48 hingga P. 50 [Ruangan 8490]

Maksud P. 51 hingga P. 56 [Ruangan 8515]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 29hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

1. Dr Leo Micheal Toyad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah barang buatan Malaysia yang telah mendapat kedudukan di pasaran antarabangsa; dan
- (b) dari barang yang mendapat pasaran antarabangsa berapa peratus dari pengeluaran adalah digunakan di dalam negeri dan berapa peratus dipasarkan ke luar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, eksport Malaysia terdiri daripada barang-barang utama dan barang-barang buatan. Untuk tahun 1984, jumlah eksport negara bernilai \$38,653.8 juta, yang mana eksport barang-barang utama merupakan 70% dan barang-barang buatan adalah sebanyak 30%. Di antara barang-barang buatan yang mendapat pasaran ialah; injap dan salur termionik, fotesel dan lain-lain ataupun, dengan

izin, thermionic valves and tubes, photocells bernilai \$4,847.3 juta; pakaian dan segala kelengkapan pakaian bernilai \$682.2 juta; alat-alat dan perkakas-perkakas iktisas, sains dan kawalan bernilai \$90.8 juta; kayu lapis bernilai \$162.6 juta; kain cita tenun bernilai \$113 juta; simen dan bahan-bahan binaan buatan bernilai \$22.5 juta; bahan-bahan makanan bernilai \$87.9 juta dan barang-barang makanan dalam tin bernilai \$55.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal yang kedua, sukar bagi saya untuk memberi angka yang tepat tentang peratusan barang buatan yang digunakan di dalam dan di luar negeri. Ini kerana peratusannya berubah mengikut kedudukan pasaran. Akan tetapi, bagi perusahaan-perusahaan di kawasan perdagangan bebas dan juga kawasan, dengan izin, Licensing Manufacturing Warehouse lebih daripada 90% dari keluarannya adalah untuk pasaran luar negeri.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyatakan bahawa bahan buatan Malaysia ialah terdiri sebanyak 30% daripada jumlah eksport negara kita. Jadi, saya ingin tahu sama ada bahan buatan negara kita ini menghadapi masalah persaingan.

Sama ada juga menghadapi masalah sekatan dagangan, kuota dan sebagainya dan saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kedudukan

pasaran bahan buatan ini di negara-negara Amerika Selatan, Afrika dan juga negara-negara ASEAN itu sendiri?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak dapat dinafikan kita masih lagi menghadapi banyak persaingan dengan negara-negara yang telah pun mahu dan negara-negara yang membangun dari segi mencari pasaran bagi barangan hasil buatan negara kita, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini boleh dikatakan semua negara-negara telah pun meningkatkan usaha untuk memajukan sektor pembuatannya. Sebab itu, satu daripada masalah besar yang kita sedang hadapai ialah soal persaingan yang hebat di peringkat pasaran antarabangsa dari segi hasil barang buatan kita sendiri. Umpamanya untuk memasuki sesebuah pasaran di negara Jepun dan di Amerika Syarikat, kita terpaksa menghadapi persaingan bukan sahaja daripada negara-negara yang telah pun maju, tetapi negara-negara yang sedang pun membangun seperti Taiwan, Korea Selatan dan sebagainya dan juga mengeluarkan hasil barangan yang sama. Sebab itu kita terpaksa memasarkan barangan kita dengan cara yang sehabis kompetitif yang mungkin dari segi kadar harga dan juga dengan tawaran-tawasan kemudahan-kemudahan yang lain.

Berkenaan dengan sekatan, ini memanglah satu daripada perkara yang sedang pun kita hadapi, terutama dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini sekatan tarif dan bukan tarif semakin meningkat dan banyak negara-negara bukan membangun, tetapi negara-negara yang telah mahupun mengamalkan dasar protectionism ataupun perlindungan yang menyebabkan banyak daripada hasil barangan negara-negara yang membangun, terutama Malaysia ini terpaksa

menghadapi sekatan-sekatan tarif kenaikan cukai yang lebih tinggi dan juga pengenaan kuota di atas barangan yang kita keluarkan.

Umpamanya, Amerika Syarikat mengenakan sekatan bagi barangan hasil kain tekstil kita yang baru-baru ini pun juga dikenakan lebih daripada keadaan biasa. Jadi, perkara ini memang kita hadapi dan langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak kita di peringkat antarabangsa menerusi perundingan dalam GATT dan UNCTAD dan juga Badan-badan Pertubuhan Antarabangsa untuk merundingkan supaya negara-negara yang telah pun maju dapat membukakan pasaran mereka dengan lebih luar kepada barangan hasil daripada negara kita.

Mengenai pasaran di Amerika Selatan, Afrika dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, setakat ini memang kalau dibandingkan dengan negara-negara rantau yang lain, kawasan-kawasan yang disebutkan tadi, kecuali ASEAN masih lagi kurang ditembusi oleh barangan kita. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya kerana tarikan dan pasaran yang sudah maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Eropah itu adalah lebih kuat, sedangkan pasaran Amerika Selatan, umpamanya merupakan negara-negara yang menghadapi banyak masalah pertukaran wang asing dan juga masalah-masalah yang lain yang menyebabkan tidak ada dorongan bagi mengeksport kita mengeksport barangan di sana. Tetapi walaupun begitu, kita tidak mengeneipkan prospek bagi barangan kita menembusi pasaran-pasaran baru seperti itu.

Bagi rantau ASEAN sebagaimana kita sedia maklum, memang sebahagian besar daripada hasil buatan kita adalah dieksport dalam rangka kawasan ASEAN, walaupun kita terpaksa bertanding kerana mereka juga mengeluarkan boleh

dikatakan hampir barang-barang yang sama, tetapi ini tidak bermakna kita tidak berjaya menjual sebahagian besar daripada hasil buatan kita ke negara-negara ASEAN.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebahagian besar barangan yang kononnya buatan Malaysia ialah daripada elektronik yang tidak mempunyai local linkages, dengan izin, yang memuaskn, dan sekiranya sedar, apakah tindakan dan langkah yang diambil untuk mengurangkan eksport yang tidak mempunyai local linkages yang besar dan mengeksport lebih banyak barang-barang yang berasaskan sumber-sumber tempatan seperti getah, kayu dan sebagainya?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa sebahagian besar, kalau sebahagian besar dalam tafsiran saya ialah lebih daripada 50% tetapi sebahagian daripada barangan hasil yang kita eksport adalah diletakkan di bawah takrif barang-barang elektronik. Ini memang nyata kerana kita dapati bahawa kebanyakan daripada pembuat-pembuat barang ini adalah daripada negara-negara yang sudah pun maju seperti Amerika Syarikat, Jepun yang menubuhkan kilang-kilang mereka di negara ini, tetapi oleh sebab kekurangan kepakaran tempatan, maka sebahagian besar daripada komponen-komponen ini masih lagi belum dapat dikeluarkan oleh kilang-kilang dalam negeri dan dengan sebab itu kita terpaksa membenarkan mereka mengimport komponen-komponen daripada luar seperti negara-negara asal dan dipasang di dalam negara kita. Tetapi ini tidak menjadi dasar kita secara jangka panjang kerana kita telah pun mengadakan perbincangan dan mengenakan beberapa peraturan

kepada pengeluar-pengeluar tempatan untuk meningkatkan value added, nilai tambahan kepada barangan yang mereka keluarkan dan menyediakan lebih banyak lagi proses-proses pembuatan dalam negeri dan dengan cara itu dapat memberikan pasaran yang lebih kepada barangan yang kita keluarkan.

Langkah-langkah memang telah pun diambil oleh pihak Kerajaan supaya kilang-kilang ataupun sektor pembuatan meningkatkan proses downstream, dengan izin, seperti dalam sektor elektronik setakat ini umpamanya belum ada lagi kilang mengeluarkan apa yang disebutkan sebagai istilah sainsnya "wafer", alat-alat sebahagian daripada komponen yang digunakan.

Sekarang ini sudah ada syarikat yang mengemukakan permohonan supaya mereka memproses dan mengeluarkan barang-barang itu dan tidak lagi diimport daripada luar negeri. Jadi program memang ada dibuat oleh sektor industri elektronik untuk menambahkan nilai kepada barangan hasil dalam negeri ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan wafer chocolate, wafer silicon.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Wafer Silicon, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian ingin saya bertanya, apakah pengenalan kita barang-barangan Malaysia seperti barang-barangan perabot terhadap negara-negara asing dan adakah pihak Kementerian telah memperkenalkan barang-barangan buatan Malaysia ini kepada negara-negara kecil iaitu negara-negara yang kurang maju sebab kalau hendak dipertandingkan dengan negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika boleh jadi tandingan barangan-barangan kita itu mutunya kurang. Maka apakah usaha

yang telah diusahakan memperkenalkan barangan-barangan kita kepada negara-negara kurang maju?

Yang kedua, didapati di negara-negara asing barangan-barangan seperti rotan iaitu perabot daripada rotan amat berkurangan dan harga-harganya amat tinggi di luar negeri, tetapi tidak nampak barang-barangan kita seperti rotan di luar negeri, apakah kita telah memperkenalkan barangan perabot daripada rotan buatan kita kepada luar-luar negeri maka apakah usaha-usaha kita kepada arah itu? Terima kasih.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa setakat ini kita belum lagi berjaya sepenuhnya untuk memperkenalkan perabot buatan Malaysia yang berasaskan kayu Malaysia ataupun rotan Malaysia, sedangkan dibandingkan dengan negara Filipina misalnya, mereka lebih maju daripada kita. Ini tidak bermakna bahawa kita tidak berusaha malahan beberapa rombongan perdagangan termasuk saya sendiri mengetuai beberapa tahun yang lepas juga memberikan tekanan kepada apa yang disebut sebagai resource based products, barang-barang dihasilkan berdasarkan sumber tempatan kita sendiri dan ada pihak-pihak sektor swasta yang mengikuti rombongan telah pun membawa contoh untuk diperkenalkan di pasaran di negara-negara yang kita kunjungi. Tetapi banyak lagi perkara yang harus dilakukan oleh mereka itu iaitu pertamanya, dari segi hendak menyesuaikan keperluan pengguna dengan design dan juga mutu yang dihasilkan oleh kilang kita sendiri.

Saya mesti mengakui bahawa walaupun kita tidak lagi dapat mempengaruhi sebahagian besar pasaran ini, ini tidak bermakna bahawa tidak ada potensi pasaran sebenarnya potensi pasaran perabot

adalah amat baik tetapi usaha perlu diambil oleh pihak sektor swasta sendiri selain daripada sokongan daripada Kerajaan supaya mengeluarkan hasil barang yang diperlukan mengikut design dan juga mengikut taste, citarasa pihak pengguna di negara-negara yang berkenaan.

Pasaran di Amerika Syarikat umpamanya berbeza daripada pasaran di Jepun dan oleh sebab sebahagian besar daripada kilang-kilang kita adalah kecil dan di peringkat awal maka mereka di peringkat awal ini sukar sedikit, tetapi langkah-langkah telah pun kita ambil khususnya di peringkat Kementerian supaya kita lebih banyak lagi mengadakan rombongan-rombongan perdagangan, misi-misi perdagangan khusus, bukan umum, khusus bagi memperkenalkan beberapa banyak jenis-jenis barangan kita tertentu dan dengan cara ini mungkin mereka dapat memasarkan barangan mereka dengan lebih berkesan lagi.

Ini termasuklah apa Yang Berhormat sebutkan tadi berkenaan dengan rotan, samalah hampir serupa dengan kayu walaupun rotan ini agaknya berbeza sedikit dari segi pasaran dan keperluan pengguna.

HARGA BARANGAN PERKAYUAN

2. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan strategi Kementerian bagi menstabilkan harga dan meluaskan pasaran bahan-bahan keluaran perkayuan negara di pasaran antarabangsa; dan
- (b) adakah Kementerian sedar di dalam keadaan kemelesetan pasaran ini, banyak kilang-

kilang mengeluarkan dan memproses hasil perkayuan telah ditutup dan ini akan merugikan di dalam jangka panjang punca-punca pengeluaran di bidang perindustrian perkayuan; apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi dan memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) Ahli Yang Berhormat, kestabilan ataupun kemantapan harga barang-barang keluaran perkayuan adalah bergantung kepada faktor penawaran dan permintaan. Walaupun begitu, Kementerian Perusahaan Utama sentiasa meneliti dan mengawasi perkembangan ini agar langkah yang sesuai dapat diambil bagi memastikan kedudukan harga barangan perkayuan negara sentiasa stabil dan terjamin.

Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama bagi memantapkan harga kayu-kayan ialah dengan mendapatkan kerjasama pihak industri sendiri terutama dari segi pengeluaran supaya ianya dapat diseimbangkan dengan permintaan yang ada. Kegiatan-kegiatan penyelidikan terus dipergiatkan bagi mempertingkatkan mutu pengeluaran dan mempelbagaikan pengeluaran agar keluaran-keluaran perkayuan negara terus mendapat pasaran. Usaha juga dibuat melalui pengukuhan pasaran-pasaran yang sedia ada serta mencari dan menembusi pasaran-pasaran baru di samping mendapatkan negara-negara EEC, Jepun dan Australia mengurangkan atau menghapuskan sekatan tarif dan bukan tarif ke atas kayu-kayan Malaysia. Melalui Malaysia Freight Booking Centre, dengan izin, dan

agensi-agensi perkapalan, usaha-usaha juga diambil untuk mendapatkan kadar tambang yang baik bagi para pengeksport kayu-kayan Malaysia. Bagi mendapatkan kerjasama di peringkat antarabangsa, Malaysia telah menyertai Majlis Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO).

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar dan matlamat Kementerian Perusahaan Utama supaya pasaran kayu-kayan negara terus diperluaskan di samping pasaran yang sedia ada diperkukuhkan. Langkah ini diambil melalui penghantaran misi-misi perdagangan dan teknikal kayu-kayan keluar negeri, penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan di luar negeri, mempelbagaikan serta memperingkatkan mutu keluaran barangan kayu-kayan negara.

Berhubung dengan soalan (b), Kementerian Perusahaan Utama sememangnya sedar dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini, terdapat beberapa buah kilang yang mengeluarkan dan memproses kayu-kayan terpaksa memberhentikan aktivitinya untuk sementara waktu ataupun menutup terus kilang mereka akibat mengalami kerugian. Oleh kerana kemelesetan ekonomi adalah di luar kawalan Kerajaan, adalah diharapkan keadaan ini tidak berpanjangan. Walaupun begitu Kerajaan sentiasa berusaha memastikan supaya keluaran-keluaran kayu-kayan negara sentiasa dapat dipasarkan. Kerajaan dalam hal ini telah mengenakan import duti sebanyak 45% ke atas papan lapis supaya papan-papan lapis tempatan dapat digunakan dengan sepenuhnya di samping menghapuskan import duti ke atas kayu balak dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan kayu balak. Usaha-usaha juga dibuat oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan kayu-kayan dalam sektor

pembinaan. Mempelbagaikan keluaran serta meningkatkan mutu pengeluaran terus digalakkan supaya barangan perkayuan negara sentiasa mendapat pasaran. Dalam hal ini Kerajaan telah memberi pengecualian duti import ke atas alat-alat dan jentera bagi mengubahsuai teknologi di kilang-kilang kayu-kayan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak juga kilang kayu telah diberhentikan operasi mereka sama ada sementara atau terus? Jika ada, berapakah jumlah kilang memproses kayu-kayan malang ini di dalam dua tahun kebelakangan ini iaitu 1984 dan 1985 dan apakah sebab-sebabnya?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kilang-kilang papan lapis atau kayu kumai yang telah pun ditutup ialah kilang papan: 1984—72 iaitu 10%, 1985—127 iaitu 18.6%; kilang papanlapis: 1984—1 iaitu 2.5%, 1985—5 iaitu 12.5%; dan kilang kumai: 1984—16 iaitu 18% dan 1985—19 iaitu 20%.

Di antara sebab-sebab utama pemberhentian operasi oleh kilang-kilang memproses kayu-kayan ialah kekurangan tempahan, kejatuhan harga, kesulitan kewangan, tiada bekalan balak dan masalah pengurusan.

Tuan Baharom bin Haji Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini apakah misi-misi perdagangan dan teknikal yang telah dihantar beserta dengan pameran perdagangan sebagai usaha untuk memperkukuhkan pasaran yang sedia ada serta mencari dan menembusi pasaran-pasaran kita di peringkat antarabangsa?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di antara misi-misi perdagangan dan juga misi teknikal yang telah kita hantar ialah Pameran Perabot Antarabangsa Tokyo, 1983; Misi Pergalakkan Pasaran Kayu-kayan ke Amerika Syarikat pada bulan Mac, 1984, Misi Teknikal ke Negara-negara Asia Barat dan Afrika Utara iaitu termasuk Muscat, Mesir, Arab Saudi, Baherin dan Magribi pada bulan November, 1984; Pameran Antarabangsa Batubois di Perancis pada 1984; Misi Teknikal Kayu-kayan ke Negara-negara EEC iaitu United Kingdom, Jerman Barat, Belgium dan Netherlands pada Oktober, 1985; Pameran Perabot Antarabangsa di Cologne, Jerman Barat pada Januari, 1985; Pameran Perabot Antarabangsa 1985 di Tokyo pada bulan November, 1985, ini baharu sahaja tamat; dan baharu-baharu ini sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melawat ke negeri China dan kita tahu bahawa negeri China sekarang ini sedang membangun dari segi perumahan dan satu daripada perkara yang telah dibincangkan ialah mewujudkan satu usahasama untuk menghasilkan, dengan izin, door frame, window frame dan juga window shutters bagi mendapati kehendak perumahan di negeri China.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengatakan bahawa harga kayu-kayan ini adalah bergantung kepada penawaran dan permintaan dan sebentar tadi beliau mengatakan dalam rombongan Perdana Menteri baharu sahaja pulang, turut serta Yang Berhormat Timbalan Menteri, minat negeri China untuk usahasama dari segi membeli kayu-kayan kita. Apakah pembelian ini dalam bentuk kayu balak ataupun sepertimana Timbalan Menteri sebut tadi kayu yang sudah diproses dan

dapatkah Timbalan Menteri memberi tahu sebanyak mana atau bila masanya usaha ini akan dapat dilaksanakan?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan diperbincangkan dengan lebih luas lagi antara pengusaha-pengusaha Malaysia dengan pengusaha-pengusaha negeri China untuk mewujudkan satu kilang untuk memproses, untuk mewujudkan apa yang dikatakan bidang pintu, bidang tingkap, penutup pintu dan juga penutup tingkap di negeri China di mana kayu-kayan sendiri akan dibawa daripada Malaysia dan ini akan mengurangkan kos pengeluaran dan akan menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu usaha Kerajaan ke arah menstabilkan harga bahan-bahan pengeluaran perkayuan di negara kita kalau tidak salah saya mendengarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa kita telah menyertai ITTO. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bilakah masanya negara menyertai ITTO dan berapakah sumbangan negara kepada badan ini? Dan ketiga, apakah sumbangan yang boleh diharapkan oleh negara kita menerusi ITTO ini?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, ITTO ini masih lagi dalam proses oleh kerana kedudukan pusatnya belum ditentukan kerana ada rebutan antara beberapa buah negeri dan begitu dari segi Managing Directornya juga belum ditentukan. Pihak Malaysia telah mengutarakan seorang pakar kayu-kayan daripada negara kita untuk menduduki kerusi sebagai Managing Director tersebut.

Dari segi keuntungan yang dapat kepada negara, oleh kerana ini pertubuhan kayu tropika antarabangsa dan negara Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeluar kayu tropika yang terbanyak, dengan dapatnya orang kita menduduki kerusi eksikatif dalam pertubuhan ini tentulah sekali dapat kita menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih berkesan untuk menentukan bahawa kayu-kayan tropika ini dapat pasaran yang baik di seluruh dunia.

PELAJAR KAUM DAYAK DALAM BIDANG IKHTISAS

3. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan angka pencapaian pelajar-pelajar Bumiputera kaum Dayak dari Sarawak dalam bidang-bidang ikhtisas seperti perubatan, kejuruteraan dan sebagainya semenjak tahun 1963. Berikan angka perbandingan pencapaian yang diperolehi oleh kaum-kaum lain dalam jurusan yang sama di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tiada menyimpan rekod pelajar-pelajar universiti mengikut kelompok-kelompok suku kaum seperti Dayak, Kadazan dan lain-lain. Pelajar-pelajar dari kelompok-kelompok suku kaum yang berkenaan digolongkan sebagai bumiputera sahaja. Oleh kerana itu perangkaan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah dapat diberikan.

PRESTASI KONTRAKTOR BUMIPUTERA

4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah usaha telah dibuat oleh

Bahagian Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya dari segi meningkatkan pemborong-pemborong sejak ditubuhkan bahagian tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan usaha meningkatkan pemborong adalah agak umum dan kurang jelas. Pada tanggapan saya, perkara yang ingin Yang Berhormat ketahui mungkin mengenai peningkatan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera. Sekiranya tanggapan itu yang dimaksudkan, sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian Kerjaraya memang sentiasa memberi segala perhatian yang sewajarnya seperti pertolongan untuk meningkatkan prestasi bumiputera dalam bidang pemborongan sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Di antara usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kemajuan kontraktor bumiputera ialah:

- (i) memberi latihan teknik dan pengurusan melalui kursus dan forum-forum kontraktor binaan dianjurkan dari masa ke semasa. Semenjak tahun 1978 hingga ke masa ini sebanyak 86 kursus dan forum telah diadakan;
- (ii) memberi khidmat nasihat kepakaran, dengan "consultancy services", kepada mereka yang memerlukan dalam mengendalikan kerja-kerja tawaran;

(iii) memberi bimbingan dalam pengurusan projek melalui pelaksanaan skim "cost plus", dengan izin. Mulai tahun 1982 hingga ke hari ini, sebanyak 16 projek telah pun dilaksanakan dengan jayanya dengan ikut skim "cost plus" ini;

(iv) menyediakan bantuan modal kerja yang berpatutan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera melalui penubuhan kumpulan wang amanah kontraktor. Peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$5 juta;

(v) menyelia pelaksanaan projek-projek kontraktor dengan mengadakan latihan ke tapak bina dan memastikan projek berjalan lancar mengikut jadual dan mana-mana masalah yang dihadapi oleh kontraktor akan dikenalpasti dan diselesaikan di peringkat awal seberapa yang boleh. Bagi menyempurnakan tugas ini, unit-unit negeri telah pun ditubuhkan pada awal tahun 1985 ini untuk Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang. Bagi Negeri Kelantan dan Terengganu, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, masing-masing dilaksanakan melalui pejabat-pejabat Wilayah Timur dan Selatan yang mana penubuhan pejabat-pejabat ini di negeri-negeri berkenaan akan dilaksanakan tidak lama lagi; dan

(vi) membuat penilaian dari masa ke semasa mengenai kekesan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan untuk

memastikan usaha-usaha itu dapat memenuhi kehendak semasa dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990. Usaha-usaha yang kurang berkesan akan diubahsuai di mana kemudiannya diperkenalkan ataupun dilaksanakan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menjawab bagi pihak Kementerian Kerjaraya bahawa Kerajaan telah berusaha untuk mempertingkatkan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera di negara ini dengan berbagai-bagai cara, satunya memberi latihan dan kursus pengurusan dan sebagainya dan juga khidmat nasihat kepada mereka yang kecenderungan ke arah itu. Saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut, sehingga setakat ini bagaimanakah sambutan yang telah diberi oleh Kerajaan bagi membimbing mereka dengan berbagai-bagai kaedah yang diterangkan tadi dan kalau boleh disebut agak berapa peratus daripada pemborong-pemborong bumiputera yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang baik hasil daripada bimbingan yang diberi oleh pihak Kerajaan itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalnya mengenai sambutan kontraktor-kontraktor bumiputera terhadap kursus-kursus, bukan sambutan Kerajaan. Saya rasa sambutan itu ada baik dan Kementerian Kerjaraya, saya diberitahu, sedang meneruskan kursus-kursus ini dan forum-furom ini dengan hasil yang baik. Berkenaan angka-angka kejayaan kontraktor-kontraktor bumiputera, saya rasa kita dapat melihat kesan-kesan yang baik dalam proses melaksanakan projek-projek. Pada masa ini kita dapat

melihat bahawa lebih ramai lagi daripada kumpulan kontraktor bumiputera sedang berusaha dan dapat pengiktirafan di dalam kelas-kelas yang lebih tinggi daripada dahulu walaupun masih lagi ramai daripada kontraktor bumiputera dalam kelas kebawah tetapi angka di kelas-kelas A, B, BX dan sebagainya sedang meningkat.

Dari segi pencapaian mereka dari segi kemenangan kontrak dan penyelesaian kerja-kerja itu juga kita dapat melihat kejayaan. Dan pada masa ini tujuan Kementerian Kerjaraya untuk mengkhaskannya sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak dalam sesuatu tahun sedang dilebihi dan kadangkala di dalam kumpulan-kumpulan atau bidang-bidang kerja tertentu sampai 45%, 50% pun dapat dimenangkan oleh kontraktor bumiputera. Tetapi saya rasa usaha untuk memperkuatkan kebolehan mereka dan keupayaan mereka hendaklah diteruskan.

KONTRAK KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

5. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Perdana Menteri menyatakan dalam Rancangan Malaysia Keempat berapakah nilai kontrak yang telah diluluskan kepada kontraktor bukan Bumiputera dan Bumiputera bagi projek-projek melalui peruntukan Kerajaan Malaysia dan peruntukan bantuan dari badan-badan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah nilai kontrak yang telah diluluskan kepada kontraktor

bumiputera dan bukan bumiputera bagi projek-projek melalui peruntukan Kerajaan Malaysia dan

peruntukan dari badan antarabangsa di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah seperti berikut:

	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
1981	\$ 709 juta	\$ 1,710 juta	\$ 2,419 juta
1982	\$1,590 juta	\$ 4,736 juta	\$ 6,326 juta
1983	\$1,268 juta	\$ 1,461 juta	\$ 2,729 juta
1984	\$2,599 juta	\$ 2,308 juta	\$ 4,907 juta
1985	\$ 276 juta	\$ 323 juta	\$ 599 juta

Dan jumlah pada keseluruhan Rancangan Malaysia Keempat:

	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
	\$6,442 juta	\$10,538 juta	\$16,980 juta

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
Daripada jawapan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi menunjukkan bahawa angka yang diluluskan begitu tinggi kepada bukan bumiputera dan agak begitu rendah kepada bumiputera dan adakah benar bahawa kontrak-kontrak yang kita luluskan kepada peringkat antarabangsa, subcontract pun tidak diberi peluang kepada bumiputera. Jika Setiausaha Parlimen sedar perkara ini, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan supaya peningkatan kejayaan kontraktor bumiputera dapat diperbetulkan atau diperbaiki di masa yang akan datang.

Tuan Mustaffa bin Mohamad:
Tuan Yang di-Pertua, saya kurang sedar tentang perkara ini. Mengikut pengetahuan kita, tiap kerja yang diberikan kepada semua syarikat-syarikat asing adalah diberi syarat supaya sebahagian daripada kerja-kerjanya diberikan kepada anak tempatan termasuk bumiputera.

BANTUAN GOLONGAN MISKIN

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

(a) setakat ini berapa ramaikah orang-orang miskin mendapat bantuan sara hidup bulanan bagi seluruh negara dari peruntukan Kementerian ini tidak termasuk bantuan pihak Negeri-negeri; dan bantuan-bantuan itu adakah merupakan wang tunaikah atau bahan-bahan makanan; apakah tidak lebih baik jika bantuan bulanan itu merupakan bahan makanan dapur seperti beras, gula, teh, kopi dan sebagainya dengan melalui mana-mana koperasi yang munasabah;

(b) mengapakah Kementerian ini tidak mengadakan bantuan-bantuan membuat khas kepada anak-anak orang miskin untuk sara keperluan pelajaran seperti membantu untuk mendapat

buku-buku, bayaran masuk belajar, bayaran masuk peperiksaan dan sebagainya; dan

- (c) orang miskin yang seperti manakah yang harus mendapat bantuan membuat rumah dan jika si pemilik rumah itu meninggal dunia, maka kepada siapakah yang harus diberikan rumah yang tersebut jika ia tidak mempunyai anak atau keluarga, adakah boleh diberi kepada mana-mana orang miskin yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, mulai Januari sehingga bulan Ogos, 1985 jumlah orang miskin yang menerima bantuan sara hidup daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi seluruh negara adalah seperti berikut:

Bantuan kanak-kanak ..	19,872 orang
Bantuan orang cacat ..	8,404 orang
Elaun pekerja cacat ..	2,347 orang
Bantuan am (Wilayah Persekutuan dan Labuan)	1,904 orang
Jumlah ..	<u>32,527 orang</u>

Bantuan yang diberikan seperti yang saya sebutkan tadi adalah berupa wang tunai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga tahun 1950an, pemberian bantuan pernah dibuat dalam bentuk bahan makanan seperti beras, gula, teh, kopi dan sebagainya tetapi sistem ini telah menimbulkan beberapa kesulitan dari segi pembahagian barang-barang tersebut. Tambahan pula ada di antara penerima bantuan-bantuan tersebut telah menjualkan bahan-bahan bantuan yang mereka terima itu dengan harga yang murah dengan bertujuan untuk mendapatkan wang tunai.

Oleh yang demikian, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah memberhentikan sistem itu dan menggantikannya dengan bantuan dalam bentuk wang tunai kerana ini akan memberi peluang dan kebebasan kepada penerima bantuan untuk menguruskan pembelian barang yang mereka kehendaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah pun menyediakan bantuan sekolah untuk membantu anak-anak orang miskin. Semenjak tahun 1960an bantuan tersebut adalah bertujuan seperti berikut:

- (i) Bantuan pakaian seragam sekolah.
- (ii) Bantuan tambang bas.
- (iii) Bantuan yuran peperiksaan.
- (iv) Bantuan yuran asrama.
- (v) Bantuan membeli cermin mata dan kelas bimbingan.

Kementerian tidak ada skim yang tertentu untuk memberi bantuan kepada orang miskin untuk membina rumah, kecuali kepada mangsa bencana alam sahaja di mana bantuan maksima \$1,000 boleh diberi untuk membina semula atau membaiki rumah yang rosak atau musnah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bantuan bagi membaiki rumah adalah disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Pahang, Kedah, Perlis, Terengganu, Melaka dan Johor. Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain tentang kemungkinan mengadakan skim yang sama di Negeri-negeri masing-masing.

Berhubung dengan soal pemindahan hakmilik rumah jika si pemilik meninggal dunia dan tidak mempunyai anak atau keluarga, Kementerian Kebajikan Masyarakat

berpendapat bahawa setiap satu kes seperti itu perlulah dikaji terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan dibuat. Pada dasarnya, Kementerian saya tidak ada apa-apa halangan memindahkan hakmilik rumah itu kepada mana-mana orang miskin lain yang layak memilikinya.

Tuan Khadri bin Sabran: Soalan tambahan. Yang pertama, saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian ini untuk memberikan bantuan kepada orang-orang miskin, apakah sebenarnya istilah miskin yang digunakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat?

Soalan kedua, mengenai bantuan yuran peperiksaan bagi murid-murid sekolah, mengapakah bantuan yuran peperiksaan itu biasanya lambat dibayar kepada murid-murid berkenaan? Biasanya dibayar pada bulan Ogos/September, sedangkan Kementerian Pelajaran Bahagian Peperiksaan memerlukan bayaran yuran peperiksaan SRP/SPM misalnya pada akhir bulan Februari/Mac, di mana apabila pihak Kementerian itu meminta yuran peperiksaan kepada murid-murid yang miskin itu, mereka sentiasa menghadapi kesulitan untuk membayar yuran peperiksaan tersebut? Tidakkah Kementerian ini bercadang pada masa-masa yang akan datang untuk memberikan bantuan yuran peperiksaan kepada murid-murid miskin pada bulan Januari/Februari?

Soalan ketiga, mengenai bantuan bencana alam, tidakkah Kementerian Kebajikan Masyarakat berhasrat atau bercadang pada masa-masa yang akan datang untuk memberikan bantuan melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat di tiap-tiap daerah satu bentuk kewangan disediakan agar bantuan bencana alam itu dapat disalurkan kepada orang-orang yang terkena bencana alam itu dengan segera. Dalam keadaan sekarang ini, apabila seseorang itu ditimpa bencana

alam, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah pergi membuat penyelidikan, membuat laporan kepada Negeri, pihak Negeri hantar ke Pusat, barulah bantuan itu dapat disalurkan, sehingga kadang-kadang memakan masa sampai 8-9 bulan baru mereka mendapat bantuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh ingat, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Jawan anak Empaling: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, adalah agak sukar sedikit untuk saya memberikan penjelasan mengenai kriteria yang sebenarnya atas istilah kemiskinan itu, tetapi pada masa sekarang kriteria yang digunakan oleh Kementerian adalah keluarga yang berpendapatan kurang dari \$300 sebulan. Walau bagaimanapun, sekiranya ini dibandingkan dengan keluarga yang tinggal di bandar dan yang tinggal di kampung ada sedikit perbezaan, sebab orang-orang di kampung tak payah bayar api elektrik, tak payah bayar "toilet paper" dan sebagainya dan banyak yang "free", air pun boleh ambil dari sungai. Dan kadar \$300 yang ditetapkan oleh Kementerian ini digunakan untuk keluarga yang tinggal di bandar. Oleh itu sangat sukar sedikit untuk saya memberikan penjelasan sekiranya kita hendak meneliti dengan mendalam kriteria ini.

Berkenaan dengan kelambatan atas pembayaran bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan dan lain-lain itu, saya sebenarnya tidak berapa sedar kelambatan atas pembayaran yuran sekolah kepada murid-murid yang memerlukan. Kementerian saya akan mengambil tindakan dan pada masa akan datang kita boleh mempercepatkan lagi perkara ini dan juga kelewatan atas bayaran untuk bantuan bencana alam pula adalah sukar sedikit sekiranya kita hendak memberikan peruntukan

itu ditempatkan di daerah-daerah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, oleh kerana kita hendak meneliti atas sesuatu kes dan kerjasama di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat memang kita bekerjasama. Oleh itu, pada 1 haribulan Disember, 1984 suatu Majlis ditubuhkan iaitu Majlis Kebajikan Negara dan ahli-ahlinya terdiri dari Menteri-menteri ataupun EXCO Members di seluruh Negeri-negeri. Dengan adanya suatu Majlis seperti itu, maka semua kerja kebajikan di seluruh negara boleh disatukan dan diselaraskan pada masa yang akan datang.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan bercadang mendirikan lebih banyak rumah kebajikan bagi menampung orang-orang tua yang miskin dan tidak mempunyai apa-apa saudara mara.

Tuan Jawan anak Empaling: Kalau orang miskin lebih banyak kita diri banyak. Tetapi kalau banyak tidak ada orang kita pakai biarkan dia tinggal di sana sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jawab kepada sayalah itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri. Tidak hadir.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir).

ROMPAKAN KEDAI EMAS

8. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rompakan kedai emas yang berlaku dalam tahun 1985 di Kuala Lumpur dan sama ada kadar

bilangan rompakan ini telah bertambah atau sebaliknya berbanding dengan tahun-tahun lepas. Adakah beliau sedar bahawa jenayah ini telah berlaku di bandar-bandar lain dan sama ada jenayah ini dilakukan oleh kumpulan yang sama.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lapan kejadian rompakan kedai emas telah berlaku di Kuala Lumpur sejak bulan Januari hingga September, 1985 iaitu peningkatan sebanyak 0.48% dari jumlah kejadian samun semua jenis, dalam tempoh yang sama bagi tahun 1984.

Kerajaan sememangnya sedar kejadian rompakan kedai emas juga berlaku di bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru, Ipoh, Petaling Jaya dan Georgetown. Kajian pihak polis menunjukkan kebanyakan rompakan tersebut dilakukan oleh kumpulan penjenayah yang sama dan bergerak dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan di Kuala Lumpur lapan semuanya dan kumpulan-kumpulan ini adalah terdiri dari kumpulan yang sama. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah kumpulan ini telah pun ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Januari hingga September, 1985 sebanyak 18 kumpulan samun senjata api yang mempunyai 153 ahli telah dapat ditumpaskan. Maklumat yang saya telah sampaikan kepada Dewan yang mulia ini adalah berpandu kepada maklumat yang kita terima daripada kumpulan-kumpulan yang kita telah tumpaskan.

Seramai 103 daripada mereka telah ditangkap di mana 45 orang sedang dikesan dan dalam rompak-rompak yang berlaku 5 orang telah ditembak mati.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Dapatkah Timbalan Menteri Dalam Negeri menerangkan daripada 8 tangkapan di Kuala Lumpur yang penting itu berapa jumlah nilai, kalau dapat beri seluruh negara; dan yang kedua apakah satu cara untuk menyelamatkan kedai-kedai emas ini. Adakah Timbalan Menteri sedar Jaga yang ada di situ hanya menggunakan senapang patah dan sebagainya yang tidak moden. Tidak bolehkah ditukar dengan pistol atau machine-gun dan sebagainya bagi tujuan menyelamatkan kedai-kedai emas yang begitu berharga.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, saya mohon notis untuk menjawab secara bertulis.

Untuk menjawab soalan yang kedua, memanglah kita semua sedar bahawa jikalau pun kedai-kedai emas kita dilengkapi dengan jaga yang bersenjata machine-gun sepertimana yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, ini tidak mungkin akan mengurangkan kejadian rompakan kedai emas. Apa yang perlu disadari ialah pengusahapengusaha kedai emas sendiri haruslah melengkapi kedai-kedai mereka dengan alat-alat moden yang boleh mengesan dan mencegah kejadian rompakan di kedai emas seperti mengadakan sistem amaran loceng yang lebih moden, closed circuit TV, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan juga jaring-jaring besi keselamatan dan cermin yang tidak boleh dipecah dan seterusnya kerana didapati sekarang ini tidak begitu banyak kedai-kedai emas walaupun ada yang mula menggunakannya tetapi masih

lagi terdapat banyak kedai-kedai emas yang tidak mengambil langkah-langkah yang saya telah sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti bukan emas sahaja yang lesap, machine-gun pun lesap.

PROJEK BARAT LAUT SELANGOR

9. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa projek Barat Laut Selangor yang dijadualkan siap 1985 tetapi tiada dapat disiapkan, bila akan siap, apa sebab jadi kelambatan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Projek Barat Laut Selangor yang mula dilancarkan pada tahun 1978 telah siap keseluruhannya pada bulan Oktober 1985 selaras dengan skop asal projek. Oleh itu, dakwaan bahawa projek ini tidak dapat disiapkan pada tahun ini adalah tidak benar.

WARGANEGARA DAN PEMASTAUTIN TETAP

10. Dato' Micheal Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan warganegara;
- (b) jumlah bilangan permastautin tetap Malaysia;
- (c) bilangan pemohon-pemohon bagi Sijil Kerakyatan sejak 1980 dan bilangan yang berjaya; dan
- (d) dalam keadaan biasa, berapa lamakah permohonan bagi Sijil Kerakyatan dapat diluluskan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, dari bulan Januari 1980 hingga 31hb Ogos, 1985, Kementerian Dalam Negeri telah menerima 17,302 permohonan kewarganegaraan Malaysia dan meluluskan 9,701 kes.

Pada 31hb Ogos, 1985, jumlah permastautin tetap di Malaysia ialah 371,443.

Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi tempoh masa yang tetap bagi memproseskan permohonan kewarganegaraan kerana tiap-tiap permohonan perlu disemak dan disiasat dengan rapi untuk memastikan kesahihan segala maklumat yang diberi oleh pemohon. Ini perlu dilaksanakan sedemikian rupa demi menjamin bahawa taraf kewarganegaraan hanya dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tempoh masa yang diambil untuk memproseskan permohonan taraf kewarganegaraan adalah tidak melebihi masa yang diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj. Tidak hadir.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir).

Tahun	Jumlah Serangan	Jumlah Kerugian
1981	16	\$157,753.00
1982	16	19,905.00
1983	22	53,786.00
1984	7	22,197.00
1985 (hingga Ogos)	9	73,764.00
JUMLAH BESAR ..	70	\$327,405.00

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan:

- pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing di perairan kita; dan
- serangan oleh lanun-lanun ke atas nelayan kita; dan nyatakan juga jumlah kerugian yang dialami oleh nelayan-nelayan kita bagi (b) di atas; bagi tahun-tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan 6 bulan pertama tahun 1985. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, jumlah pencerobohan yang dilakukan oleh bot-bot nelayan negara asing ke perairan Wilayah Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1981	23
1982	19
1983	22
1984	20
1985 (hingga Ogos)	27
JUMLAH BESAR ..	111

Jumlah serangan dan rompakkan dibuat ke atas nelayan-nelayan kita untuk tempoh yang sama serta jumlah kerugian adalah seperti berikut:

- (2) Kerugian yang telah dialami melibatkan wang tunai, harta benda persendirian, kerosakan kepada alat-alat menangkap ikan dan bot-bot nelayan.
- (3) Orang-orang yang telah melakukan serangan dan pencerobohan tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai lanun menurut Artikel 101 di dalam United Nations Convention on the Law of the Seas (UNCLOS) 1982. Mereka disifatkan sebagai penjenayah-penjenayah yang telah melakukan rompakan di perairan Wilayah Malaysia.
- (4) Pihak Polis Merin sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan bersama dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita dengan menjalankan rondaan-rondaan berterusan oleh bot peronda-peronda kita di sepanjang perairan Malaysia. Selain dari itu, polis juga mengambil langkah-langkah pengawalan seperti berikut:
- (i) menempat dan menugaskan anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) di kawasan tertentu pantai dan pulau-pulau yang sensitif;
 - (ii) pemeriksaan oleh anggota-anggota Pasukan Polis Hutan dan Polis Merin di pulau-pulau yang didiami orang dari masa ke semasa untuk menentukan keselamatan penduduknya;
 - (iii) meningkatkan penugasan rondaan dan sekatan laut dan serbuan oleh bot-bot PZ dan PX dan bot peronda kecil jenis lain di kawasan strategik dan sensitif;
 - (iv) melaksanakan strategi-strategi operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa; dan
 - (v) penggunaan pesawat unit udara Polis Di-Raja Malaysia untuk mengesan dan melapor balik maklumat-maklumat kejadian pencerobohan dan melanggar undang-undang kepada bot peronda yang bertugas.
- Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan pencerobohan nelayan asing di perairan Pantai Timur Semenanjung, biasanya pada musim tengkujuh, musim monsoon rondaan laut tidak diadakan kerana keadaan laut yang sedemikian rupa dan ini memberikan kesempatan kepada nelayan-nelayan asing untuk menceroboh perairan kita. Pada tahun lepas diadakan, apa yang saya faham, Gerakan Operasi Samudra Gagah pada musim ini sepanjang tahun. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa operasi yang sama juga akan diadakan pada musim tengkujuh tahun ini untuk menjaga perairan kita daripada pencerobohan nelayan asing.
- Yang keduanya, pada jangka panjang tidakkah Kerajaan hendak mengubah strategi pertahanan maritime kita supaya diberi penekanan kepada pertahanan di Pantai Timur Semenanjung daripada pencerobohan nelayan asing dan sebagainya.
- Yang ketiganya, unit polis udara kita ada 4 buah pesawat sahaja. Adakah ini mencukupi, bila lagi kita boleh tambah supaya kita boleh berkesan lagi?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya berpandukan kepada kejadian pencerobohan yang kian meningkat bahawa Gerakan Operasi Samudra Gagah iaitu satu langkah yang kita buat pada tahun sudah akan dilaksanakan juga pada tahun ini.

Tentang strategi pertahanan, saya percaya juga bahawa pihak Kerajaan mengkaji untuk memperbaiki kedudukan pertahanan kita terutama sekali di perairan Pantai Timur sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Memanglah kita mempunyai 4 pesawat kepunyaan Pasukan Polis Di-Raja Malaysia dan angka ini tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, kita telah pun mengemukakan permohonan agar dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima tetapi ini terpulanglah dan berpandu kepada kedudukan kewangan negara.

KOMPLEKS UMNO—TAYANGAN PREVIEW DI TV MALAYSIA

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab mengapa ditayangkan "preview" Kompleks UMNO yang baharu di TV Malaysia pada 24-9-1985 dan sama ada ianya merupakan dasar Kerajaan mengubah TV Malaysia ke TV UMNO.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, TV Malaysia telah menayangkan "preview" serta upacara perasmian Kompleks UMNO bukanlah kerana Kompleks itu satu kejayaan UMNO semata-mata, malah ianya melambangkan kejayaan seluruh rakyat Malaysia. Kompleks UMNO merangkumi juga Pusat Perdagangan Duniaputra dan Hotel Pan-Pacific. Sebagaimana yang

diketahui umum, Pusat Perdagangan Duniaputra adalah satu Kompleks persidangan serta pameran yang terbesar dan termoden di Asia. Oleh yang demikian peranannya dalam Persidangan PATA pada April 1986 adalah merupakan satu mercu kebanggaan bagi seluruh rakyat Malaysia dan bukan hanya di kalangan ahli-ahli UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat bahkan seluruh dunia mengetahui peranan UMNO serta pemimpin-pemimpinnya dalam proses pencapaian kemerdekaan bagi negara ini dan seterusnya proses pembangunan negara ini ke tahap pencapaian sekarang selepas merdeka. Oleh yang demikian amatlah sukar untuk kita memisahkan UMNO dari konsep kebangsaan, kenegaraan dan sejarah.

TV Malaysia pada hari yang bersejarah itu telah menyiarkan satu peristiwa yang akan menjadi satu mercu tanda, dengan izin, "landmark" dalam sejarah perjuangan dan kemajuan negara ini. Ia bukanlah hanya satu pencapaian UMNO tetapi satu kemegahan bagi seluruh rakyat Malaysia yang cintakan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 11, 14 dan 15 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN DEWASA— KEMUDAHAN

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian dalam menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pelajaran dewasa di negara ini memandangkan dengan adanya kemudahan seperti ini, mereka yang tidak bernasib baik pada masa usia

mudanya dapat peluang belajar untuk menambah ilmu semasa mereka dewasa.

Dato Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran memang ada menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pelajaran dewasa melalui kegiatan kelas-kelas lanjutan. Tetapi mulai tahun 1984, Kementerian Pelajaran telah menyerahkan penyelenggaraan Kelas Pelajaran Lanjutan ini kepada sebuah syarikat swasta, iaitu bersesuaian dengan dasar penswastan Kerajaan.

KELULUSAN FIC UNTUK HARTA

11. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ingin untuk membawa perubahan bagi permohonan kelulusan FIC, sama ada pihak Kerajaan ingin menetapkan keperluan kelulusan FIC untuk harta-harta pembelian lebih dari sepuluh (10) juta ringgit, selaras dengan kemajuan ekonomi negara kita.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Soalan ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan Bahagian (a) Ahli Yang Berhormat dari Lumut yang telah dijawab pada 1hb November, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

KERETA PROTON SAGA— NILAI

14. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan peratus jumlah nilai Kereta Proton Saga yang dibuat daripada komponen-komponennya yang diimportkan diberi pengecualian cukai; jika tidak, nyatakan duti import yang dikenakan ke atas komponen-komponen tersebut.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Soalan ini telah dijawab bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 26hb November, 1985. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

EKONOMI NEGARA—KESAN KEMELESETAN

15. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi dan seterusnya memperbaiki keadaan kemelesetan ekonomi tersebut, bagi negara Malaysia.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil telah pun dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini sewaktu penyampaian Ucapan Belanjawan tahun 1986. Walau bagaimanapun secara ringkasnya langkah-langkah ini meliputi usaha-usaha menggalakkan eksport barangan dan keluaran Malaysia, mengurangkan import dan menggalakkan perkembangan industri perkapalan, insuran dan pelancongan. Di samping itu usaha-usaha mengurangkan perbelanjaan sektor awam, terutamanya mengawal pertumbuhan perbelanjaan mengurus akan diteruskan.

Galakan juga diberi untuk membolehkan sektor swasta menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara. Galakan yang diberi termasuklah mengurangkan kos perniagaan, merendahkan kos pembiayaan pelaburan dan memperbaiki iklim pelabur-pelabur.

Insyallah langkah-langkah ini akan dapat membantu kita mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara.

**RANG UNDANG UNDANG
PERBEKALAN, 1986**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 dan Anggaran Pembangunan, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kedua-belas*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Maksud B. 47 (Jadual)—

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan, 1986)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 47 dan Maksud P. 47 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.07 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 47—Pentadbiran Am dan Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, masalah besar yang dihadapi oleh pekerja-pekerja hari ini ialah spektor retrenchment atau pemuangan kerja dan ini adalah juga kegagalan terbesar Kementerian Buruh.

Pada 22hb Oktober, Timbalan Menteri Buruh, dengan izin, Datok Zakaria (oleh kerana ada dua orang Timbalan Menteri), telah beritahu Dewan yang mulia ini bahawa seramai

7,831 pekerja dari berbagai perusahaan telah dibuang kerja antara 1982 dan bulan Julai tahun ini.

Angka yang amat mustahil ini telah diterima dengan rasa tertegun, tidak percaya dan bingung oleh pergerakan sekerja dan para pekerja kerana ia memperlihatkan bahawa Kementerian Buruh bukan sahaja cuba mengurangkan keseriusan masalah retrenchment tetapi ia juga adalah tidak serius dan peka terhadap kesengsaraan yang diakibatkan kepada hidup pekerja-pekerja oleh pemuangan kerja secara besar-besaran itu.

Mengikut anggaran beberapa pihak yang lain, angka pemuangan kerja bagi tempoh yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh adalah lebih 50,000 dengan retrenchment kerja lebih 10,000 pekerja dalam perusahaan elektronik, 16,000 pekerja-pekerja ladang, lebih 8,000 pekerja-pekerja tekstail, lebih 7,000 pekerja-pekerja lombong (ini tidak termasuk 5,000 pekerja yang hilang kerja akibat penutupan lombong-lombong bijih timah sejak keruntuhan pasaran bijih timah pada 24hb Oktober); lebih 6,000 pekerja dalam perusahaan pembinaan dan lebih 4,000 pekerja dalam perusahaan kayu-kayan.

Kesatuan-kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja mengadu bahawa Kementerian Buruh tidak menunjukkan rasa keperihatinan yang serius terhadap nasib mereka selain daripada pengumuman-pengumuman kosong Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri.

Dari satu segi, Tuan Pengerusi, bagaimana pekerja-pekerja yang dibuang kerja seramai 50,000 orang itu serta berpuluh-puluh ribu pekerja yang akan dibuang kerja dalam beberapa bulan ini mengharapakan bantuan yang sebenar dari Kementerian Buruh sedangkan

Menteri Buruh sendiri menghadapi ancaman "retrenchment political" sejak 22 bulan ini. Malah kini pun beliau tidak tahu untuk berapa hari lagikah beliau akan menjadi Menteri Buruh.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, perebutan-perebutan kuasa dalam MCA adalah satu tragedi bagi pekerja-pekerja

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Khadri bin Sabran: Apa ada kena-mengena Kementerian Buruh dengan MCA ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu sebut, sebab

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar!

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) iaitu mengenai sama ada isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada kaitan dengan masalah di hadapan Majlis. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka baru mula menghurai dan membuka hujahnya dan maksudnya belum jelas lagi. Oleh itu saya memutuskan setakat ini masih ada kaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya sebut pentadbiran, gaji, golumen Menteri Buruh.

Perebutan kuasa dalam MCA adalah satu tragedi bagi pekerja-pekerja kerana para pegerjalah yang menjadi mangsa akibat perebutan kuasa MCA itu yang telah

menyebabkan Menteri Buruh tidak berupaya memberi pimpinan dan arahan yang diperlukan sangat buat masa ini di mana para pekerja menghadapi krisis retrenchment. Sebaliknya, Yang Berhormat Menteri terlalu sibuk menyelamatkan diri politiknya sendiri. Sebenarnya, keadaan tidak akan begitu buruk sekiranya pemimpin-pemimpin yang lain dalam perebutan kuasa ini mengambil berat akan hal ehwal para pekerja serta mengenakan tekanan ke atas Kementerian Buruh untuk menunaikan tanggungjawab kepada para pekerja. Tetapi mereka inilah yang menjadi jurucakap bagi kepentingan perniagaan, pemodal yang terkaya dan tidak peduli langsung para pekerja—dan mungkin merekalah yang membuang pekerja-pekerja sendiri, tokoh-tokoh faction MCA yang lain.

Parti DAP menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai retrenchment supaya perhatian yang sewajarnya boleh diberi terhadap masalah ini, terutama sekali memandangkan lebih banyak lagi retrenchment akan berlaku pada masa akan datang dan kembalinya kira-kira 80,000 pekerja Malaysia dari Singapura dan lain-lain negara serta kehadiran kira-kira 800,000 pekerja-pekerja asing haram, khususnya pendatang-pendatang haram Indonesia.

Ramai majikan telah mengambil kesempatan kemelesetan ekonomi ini untuk memberhentikan pekerja-pekerja tua yang bergaji tinggi dengan tidak menghiraukan prinsip, dengan izin, "last in, first out". Jawatankuasa Kabinet mengenai retrenchment hendaklah menghentikan amalan-amalan buruh yang tidak adil ini yang diamalkan oleh perusahaan-perusahaan yang menggunakan kesempatan kemelesetan ekonomi untuk mengurangkan kos buruh

mereka tanpa menghiraukan tanggungjawab mereka terhadap kebajikan pekerja-pekerja yang telah pada masa lampau membawa keuntungan besar kepada majikan-majikan.

Jawatankuasa Kabinet mengenai retrenchment menerusi peraturan-peraturan buruh hendaklah menggubal garis-garis panduan baru untuk mengurangkan penyalahgunaan-penyalahgunaan dan kesangsaraan-kesangsaraan yang disebabkan oleh retrenchment seperti:

- (i) memerlukan pemberitahu awal atau early warning system selama tiga bulan sebelum seseorang pekerja boleh dibuang kerja;
- (ii) mencari kerja-kerja alternatif bagi pekerja-pekerja dengan kerjasama Kementerian Buruh;
- (iii) mengembangkan tempoh buang kerja untuk meliputi satu tempoh yang agak panjang; dan
- (iv) menetapkan kriteria untuk memilih pekerja-pekerja untuk dibuang kerja bersama dengan wakil pekerja-pekerja atau kesatuan sekerja yang terlibat.

Tuan Pengerusi, saya amat terkejut apabila semasa Soal Jawab pada mesyuarat Parlimen ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh yang ada dalam Dewan sekarang, telah berkata bahawa sistem buruh kontrak tidaklah disalahgunakan atau dieksploitasi. Ini menyebabkan saya memikir sama ada beliau benar-benar memahami keadaan buruh di negara ini atau tidak.

Hanya pada bulan September lalu, Persidangan Perwakilan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Kayu-kayan telah menggesa Kerajaan memansuhkan sistem kontrak untuk

menggaji pekerja-pekerja kayu-kayan. Seperti dinyatakan dengan tepatnya oleh Setiausaha Agung Kesatuan tersebut, Mihat Sulaiman, buruh-buruh kontrak tidak menikmati faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerjaan kerana mereka tidak mempunyai kontrak perkhidmatan. Disebabkan ini mereka tidak berhak mendapat cuti sakit, cuti tahunan, cuti hari kelepasan am dan cuti bersalin. Mereka juga tidak diliputi oleh SOCSO dan majikan pula tidak mencarum kepada KWSP bagi pihak mereka. Mereka juga dibuang kerja pada bila-bila masa sahaja majikan memilih untuk berbuat demikian tanpa sebarang faedah pemberhentian kerja.

Saya telah sejak awal tahun 70an dalam Dewan ini menyebut mengenai keburukan dan eksploitasi sistem buruh kontrak ini. Akibat ini, dalam tahun 1976, Akta Pekerjaan telah dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri melarang menurut perintah penggajian buruh kontrak dalam mana-mana pekerjaan dalam bidang pertanian atau perusahaan, pembinaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, perdagangan, perniagaan atau di lain-lain tempat kerja. Apabila perintah seumpama itu dikeluarkan oleh Menteri, semua orang yang dinyatakan dalam perintah tersebut akan menjadi majikan dan pekerja bagi tujuan Ordinan Pekerjaan dan lain-lain undang-undang.

Tetapi sungguh malangnya walaupun perihal keburukan dan eksploitasi buruh kontrak tidak dikurangkan, khususnya di ladang-ladang dan tapak-tapak pembinaan, Menteri Buruh tidak pernah mengeluarkan walau satu perintah pun untuk melindungi buruh-buruh kontrak daripada dieksploitasi oleh sistem tersebut. Dan sekarang pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh begitu berani berdiri di

Dewan ini dan mengisytiharkan bahawa tiada apa-apa penyalahgunaan secara eksploitasi yang berlaku dalam sistem buruh kontrak. Adalah nyata dan jelas bahawa beliau tidak layak menjadi Timbalan Menteri Buruh.

Di sini ingin saya menarik perhatian beliau dan juga Kementerian Buruh mengenai penyalahgunaan buruh-buruh kontrak di bahagian Batu Arang, Ladang Sungai Tinggi di Rawang yang mana ladang tersebut adalah milikan syarikat SOCFIN. Pemogokan yang dilancarkan oleh seramai 142 orang pekerja ladang tersebut telah memasuki hari ke-60 iaitu sejak 1hb Oktober lalu.

142 orang pekerja berkenaan telah bekerja di ladang tersebut untuk beberapa tahun dan ada di antara mereka yang bekerja seawal tahun 1961. Dalam tahun 1966, apabila pokok-pokok getah di ladang tersebut sedia untuk ditoreh, pekerja-pekerja berkenaan dijadikan buruh kontrak kepada tiga orang kontraktor-kontraktor iaitu Cyril Chin, seorang JP MCA—C.C. Liong dan P. Ramasamy, seorang kuat MIC. Dan selama 19 tahun pekerja-pekerja ladang ini yang bermula kerja sejak tahun 1966 telah dilayan sebagai buruh kontrak tanpa Contract of Service—dan ini mungkin telah mencipta rekod di mana buruh-buruh kontrak bekerja selama 19 tahun padahal sistem tersebut adalah bertujuan untuk kerja-kerja “seasonal” atau tertentu sahaja.

Pekerja-pekerja berkenaan telah mogok pada 1hb Oktober kerana membantah penyalahgunaan-penyalahgunaan yang dilakukan oleh pihak pengurusan dan kontraktor-kontraktor berkenaan dan juga ketidakpuasaan atau “grievances” mereka yang tidak diselesaikan sekian lama ini.

Pekerja-pekerja berkenaan tidak menerima elaun perumahan, gaji kerja lebih masa, “distance

allowance”. Mereka mengadu bahawa mereka ditipu berhubung dengan getah sekerap, tiada elaun bersalin, tiada kemudahan perubatan, caruman KWSP para pekerja tidak dihantar ke KWSP, tiada perlindungan SOCSO, penghentian kemudahan taman asuhan tanpa notis dan satu senarai panjang yang memuatkan aduan-aduan lain mengenai amalan-amalan tidak adil yang dilakukan oleh pihak majikan.

Saya terkejut menerima aduan yang mengatakan bahawa apabila wakil-wakil tempatan NUPW mengadu kepada Pejabat Buruh Rawang tentang amalan-amalan yang dilakukan oleh majikan, mereka disuruh melaporkannya kepada Ibu Pejabat NUPW dan apabila pekerja-pekerja sendiri pergi ke Pejabat Buruh Rawang, mereka dimarah oleh Pegawai-pegawai Buruh.

Sekiranya Kementerian Buruh tidak bersedia atau berupaya membantu buruh-buruh kontrak di bahagian Batu Arang, Ladang Sungai Tinggi dan bertindak seolah-olah mereka adalah wakil majikan, maka lebih baiklah Kementerian Buruh hendaklah menukarkan namanya kepada Kementerian bagi Majikan-majikan, dan Timbalan Menteri menjadi Timbalan Menteri untuk Majikan-majikan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan.

4.20 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 47, Butiran 1 Pentadbiran Am, Kod 1000 Emolumen; Butiran 2 Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Kod 1000 Emolumen dan Program 2.5 Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kod 1000 Emolumen.

Tuan Pengerusi, apabila Ordinan Pekerjaan 1955 dipinda dalam tahun 1980 selepas pertikaian MAS-AEU pada awal 1979, Kerajaan telah beri jaminan kepada Parlimen bahawa Ordinan tersebut akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan bahawa pekerja-pekerja di kedua-dua negeri tersebut akan menikmati faedah-faedah yang sama yang dinikmati oleh rakan-rakan sejawat mereka di Semenanjung Malaysia. Menteri Buruh waktu itu, Dato Richard Ho, telah mengumumkan dalam bulan Februari, 1982 bahawa Ordinan Pekerjaan 1955 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak pada 1hb Julai, 1982. Perluasan Ordinan tersebut ke Sabah dan Sarawak telah ditunda beberapa kali akibat ketidakcekapan Kementerian Buruh dan sekarang kita diberitahu bahawa kedua-dua negeri tersebut membantah perluasan Ordinan tersebut. Sebab-sebab yang diberi oleh Timbalan Menteri Buruh dalam Dewan ini pada 13hb November, 1985 ialah bahawa kedua-dua Kerajaan Negeri tidak bersetuju untuk mengecualikan Kerajaan sebagai majikan dan juga berhubung dengan hari-hari cuti am berlainan yang diperutukkan dalam Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak.

Kerajaan hanya sekarang menemui perbezaan-perbezaan tersebut selepas lima tahun Ordinan asal itu dipinda. Adakah Menteri Buruh sedar akibat ketidak perluasan Ordinan tersebut ke Sabah dan Sarawak, para pekerja kedua-dua negeri berkenaan telah menderita sangat. Apa yang perlu ditekankan di sini ialah Undang-undang Buruh yang sedia ada di Sabah tidak mempunyai peruntukan untuk memberi faedah-faedah pemberhentian kerja kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Sekarang akibat kemelesetan ekonomi, beribu-ribu orang pekerja yang tidak berpersatuan yang diberhentikan kerja tidak menerima apa-apa faedah pemberhentian kerja

dan Kementerian Buruh hendaklah dipersalahkan dalam hal ini.

Saya difahamkan bahawa sebab mengapa terdapat kelewatan dalam perluasan Ordinan Pekerjaan 1955 ke Sabah dan Sarawak ialah semata-mata disebabkan kerana Kerajaan Pusat ingin menggunakan perluasan Ordinan tersebut sebagai alasan untuk menekan kedua-dua Kerajaan Negeri untuk menyerah kuasa, dengan izin, "labour attorney" kepunyaan kedua-dua negeri tersebut.

Parti DAP ingin mengingatkan Kerajaan Pusat bahawa sebelum Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, dengan izin, "Power of Attorney for Labour" kepada kedua-dua negeri tersebut telah dijamin oleh Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Pusat tidak seharusnya menggunakannya untuk menekankan kedua-dua Kerajaan Negeri tersebut untuk memperluaskan Ordinan Pekerjaan 1955 ke Sabah dan Sarawak.

Parti DAP menyeru Menteri Buruh mengambil langkah-langkah segera untuk memperluaskan Ordinan Pekerjaan 1955 ke Sabah dan Sarawak agar pekerja-pekerja di kedua-dua negeri tersebut tidak akan merasai mereka diabaikan oleh Kerajaan Pusat bersikap jujur dalam perkara ini.

Perlantikan bekas Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia, Datuk Wong, yang tidak mempunyai apa-apa kelayakan undang-undang untuk menjadi Pengerusi Mahkamah Perusahaan adalah amat mengganggu. Saya mencadangkan bahawa Akta Perhubungan Perusahaan dipinda untuk memperuntukkan bahawa hanya orang-orang yang mempunyai kelayakan undang-undang yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh tahun, sama ada dalam sektor swasta atau Kerajaan dilantik menjadi Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Sungguh pun Mahkamah

Perusahaan adalah sebuah mahkamah ekuiti dan, dengan izin, "good conscience", namun peguam-peguam menghadiri Mahkamah Perusahaan setiap hari dan perkara-perkara berhubung dengan undang-undang dan bidangkuasa adalah ditimbulkan dan disebabkan itu, Pengerusi Mahkamah Perusahaan hendaklah terdiri dari seorang yang mempunyai kelayakan undang-undang yang dapat membuat keputusan-keputusan yang betul.

Tuan Pengerusi, apabila kemelesetan ekonomi terus berlarutan, lebih ramai lagi pekerja akan diberhentikan kerja. Banyak di antara pemberhentian kerja ini sebenarnya adalah berasas atau "justified" dan Menteri Buruh kita tidak berkuasa untuk membantu para pekerja yang terlibat ini.

Undang-undang Buruh kita sebenarnya menguntungkan para majikan dan pertubuhan-pertubuhan mereka dan bukan kelas pekerja, meskipun pekerja-pekerja terdiri dari majoriti penduduk-penduduk negara kita. Kelemahan undang-undang buruh kita dapat dilihat khasnya waktu kemelesetan ini kerana undang-undang tersebut tidak menjamin keselamatan pekerjaan bagi pekerja-pekerja.

Akibat kemelesetan ekonomi, angka-angka mengenai pengangguran bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat kepada 6.1% seperti terkandung dalam Laporan Buruh dan Tenaga Buruh Manusia 1983/84. Keadaan ini mungkin akan menjadi lebih buruk sekiranya angka-angka mengenai pengangguran di Sabah dan Sarawak dimasukkan.

Pemberhentian kerja yang berlaku di lombong-lombong timah, kilang-kilang elektronik, pasarama-pasarama, kem-kem kayubalok dan lain-lain "establishment" telah menyebabkan masalah-masalah sosial

bagi rakyat kita. Namun demikian, Kerajaan kita masih membenarkan pekerja-pekerja asing diimportkan dari Indonesia dan di samping itu, pelarian-pelarian dan pendaatang-pendatang haram dari Filipina dan Indonesia dibenarkan untuk digaji. Kehadiran mereka mengancam dengan lebih serius keadaan pengangguran kita.

Parti DAP menyeru Kerajaan mengambil tindakan yang tegas untuk mencegah amalan-amalan curang yang berlaku dalam urusan pemberhentian kerja di mana pekerja-pekerja menjadi mangsa eksploitasi para majikan. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan rakyat Malaysia diberi keutamaan dalam soal pekerjaan. Adalah mustahil rakyat Malaysia yang berhak mengundi mendapati peluang-peluang pekerjaan mereka dirampas oleh pekerja-pekerja asing akibat kebodohan dasar Kerajaan.

Timbalan Menteri Buruh dalam jawapannya kepada soalan pada 27hb November telah berkata bahawa Sabah Immigrant Manpower Centre (SIMC) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Kami terkejut dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Buruh dan ingin kami mengatakan bahawa urusan rekrutmen pekerja-pekerja adalah termasuk dalam bidang kuasa tunggal Malaysian Migration Fund Board (MMFB) yang ditubuhkan oleh suatu perintah yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tahun 1983 seperti dinyatakan dalam Akta Fungsi Menteri tahun 1969. Akta tersebut termasuk pengambilan pekerja-pekerja dari Indonesia dan lain-lain untuk bekerja di Sabah.

Dengan penubuhan Sabah Immigrant Manpower Centre di Tawau, Sabah Immigrant Centre telah mengambilalih fungsi dan tugas Malaysian Migration Fund Board bagi

pengambilan pekerja-pekerja asing. Malaysian Migration Fund Board merupakan pertubuhan tunggal yang dibenarkan oleh undang-undang untuk mengambil pekerja-pekerja asing ke negara ini.

Disebabkan Sabah Immigrant Manpower Centre adalah sebuah badan Kerajaan, mengapakah ia bergerak sebagai sebuah syarikat swasta yang ditubuhkan oleh Timber Association of Sabah dan East Malaysia Planters Association?

Operasi Sabah Immigrant Manpower Centre di Tawau telah dilancarkan oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh bersama dengan Menteri Tenaga Manusia Indonesia, Bapak Soedono.

Mengikut kaedah-kaedah Malaysian Migration Fund Board, setiap majikan yang mengimport buruh asing dikenakan bayar ses kepada Malaysian Migration Fund Board mengikut kadar yang ditetapkan oleh Menteri Buruh. Sabah Immigrant Manpower Centre apabila ditubuhkan untuk mengambil pekerja-pekerja Indonesia bagi majikan juga telah mengutip ses yang bertentangan dengan kaedah-kaedah Malaysian Migration Fund Board.

Timbalan Menteri Buruh berkenaan juga telah memberitahu bahawa Sabah Immigrant Manpower Centre yang ditubuhkan oleh bekas Kerajaan Negeri Sabah mempunyai wakil-wakil dari pihak Polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh, Tentera dan Jabatan Perubatan dalam Lembaga Penasihatnya walaupun ia adalah sebuah syarikat swasta.

Ini jelas adalah penyalahgunaan kuasa kerana sejak bilakah pegawai-pegawai Kerajaan dilantik menjadi penasihat kepada syarikat-syarikat swasta untuk memberi nasihat ke atas pengambilan pekerja-pekerja asing pada sebuah badan Kerajaan telah

pun ditubuhkan khususnya untuk tugas ini iaitu Malaysian Migration Fund Board.

Parti DAP menyeru Menteri Buruh menerangkan sama ada undang-undang telah diluluskan dalam Dewan Negeri Sabah untuk membenarkan penubuhan Sabah Immigrant Manpower Centre itu dan jika ya, bilakah undang-undang tersebut diluluskan? Jika tidak, mengapa Sabah Immigrant Manpower Centre dibenar ditubuhkan untuk mengambil fungsi dan tugas Malaysian Migration Fund Board.

Kerajaan hendaklah menjelaskan mengapa Sabah Immigrant Manpower Centre dibenarkan mengutip wang atau ses dari majikan-majikan yang telah mengurangkan hasil Kerajaan. Kita tidak boleh membenarkan mereka yang berkuasa untuk melanggar undang-undang mengikut sesuka hati mereka. Dalam kes Sabah Immigrant Manpower Centre ini, penyalahgunaan kuasa telah dilakukan oleh sebuah parti komponen Barisan Nasional di Sabah iaitu Parti Berjaya dan penyalahgunaan-penyalahgunaan seumpama itu bukan sahaja harus dikutuk tetapi dihentikan juga.

Parti DAP menyeru supaya Sabah Immigrant Manpower Centre ditutup kerana syarikat tersebut telah merampas kuasa dan fungsi Malaysian Migration Fund Board. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh menjawab dan menggulung perbahasan dalam masalah.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak berucap?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi: Diminta duduk sebentar, Yang Berhormat.

Yang Berhormat, kita sudah kebelakangan mengikut jadual dan seharusnya mungkin masalah ini diputuskan semalam. Jadi, sebab kita sudah kebelakangan, maka sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh menjawab dan menggulung perbahasan dalam masalah B. 47 dan P. 47.

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli dari Kota Melaka dan Sandakan yang kedua-duanya pun dari DAP di atas pembahasan Anggaran Belanjawan Kementerian saya ini.

Di sini saya juga menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai apa yang beliau sentuh tadi bahawa MCA crisis yang sebenarnya tidak ada apa-apa kaitan dengan Kementerian Buruh, biar pun Menteri Buruh adalah seorang ahli MCA. Ini oleh kerana pengendalian kerja Kementerian adalah sentiasa menjadi tumpuan utama Menteri Buruh dalam jadual kerja harian. Atas asas dan praktik ini negara kita mengalami satu suasana buruh yang aman serta stabil, sungguhpun dalam zaman kemelesetan ekonomi pada masa sekarang.

Salah satu perkara yang telah disentuh oleh Ahli dari Kota Melaka ialah perkara berhenti kerja. Beliau ada berkata bilangan-bilangan yang telah diumumkan oleh rakan saya, Timbalan Menteri Buruh di Dewan yang mulia ini adalah bilangan yang terlampau rendah atau tidak betul.

Tuan Pengerusi, apa yang saya boleh katakan di sini ialah bilangan yang kami laporkan di Dewan ini adalah mengikut laporan-laporan tertentu yang diterima dan disiasat

oleh Jabatan Buruh dan melaporkan kepada Kementerian Buruh. Ini adalah bilangan yang sah.

Barangkali juga ada kes-kes diberhentikan kerja di satu-satu tempat kerja tertentu tetapi kes itu tidak dilaporkan kepada Jabatan Buruh tempatan, ini adalah juga satu perkara yang biasa. Jadi, kami tidak boleh menafikan bilangan yang apa dilaporkan di Parlimen ini semestinya itu bilangan yang merangkumi semua kes-kes yang kami menghadapi di negara ini.

Bagaimanapun, Undang-undang Buruh yang ada pada masa sekarang adalah dianggap mencukupi untuk menjaga dan menahan kebajikan pekerja-pekerja kita di negara ini. Memang kami semua sedar pada masa ini kemelesetan ekonomi ke seluruh negara dan bukan sahaja di negara kita, seluruh dunia adalah menghadapi masalah ini. Oleh yang demikian, Kementerian saya telah pun mengambil beberapa langkah supaya boleh ditetapkan pekerja-pekerja itu tidak diberhentikan atau dibuang kerja oleh majikan dengan apa-apa sebab atau sia-sia sahaja.

Mengikut Undang-undang yang ada sekarang, jikalau di satu-satu tempat pekerjaan itu, majikan itu ingin memberhentikan pekerja oleh apa-apa sebab, majikan itu adalah diwajibkan melaporkan pertama sekali kepada Pejabat Buruh dan memberi notis kepada pekerja-pekerja yang berkenaan dan jikalau notis itu tidak mencukupi mestilah dibayar pampasan ganti notis itu dan apabila sahaja Kementerian saya atau Pejabat Buruh tempatan menerima laporan ini, Pegawai Buruh terus menjalankan siasatan supaya menentukan adakah pekerja itu benar-benar menghadapi apa-apa kesusahan, adakah benar-benar pekerja itu akan diberhentikan atau dengan apa-apa sebab yang lain.

Satu cara yang sedang kami amalkan ialah pekerja yang datang dahulu akan keluar kemudian, bermakna yang baru datang akan keluar dahulu. Dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang dipertua, last come first to go. Inilah praktik yang diamalkan oleh Kementerian Buruh, tidaklah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Saya fikir sebetulnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu memang sedar apa yang kita amalkan sekarang, cuma dia tidak ingin mengaku sahaja. Apa-apa syarat lain yang tertentu di bawah Undang-undang seperti Akta Kerja 1955, semua itu kami akan tentukan sebelum seseorang pekerja itu diberhentikan kerja.

Soalan kedua yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah sistem Buruh Kontrak. Beliau telah menumpukan di atas jawapan saya sendiri pada beberapa hari dahulu di atas satu soalan. Jawapan saya ialah di bawah Sistem Buruh Kontrak, sesiapa kontraktor pun di bawah Undang-undang adalah majikan. Jadi, apa-apa kewajipan seseorang majikan mesti dijalankan. Semua pekerja-pekerja di bawah kontraktor ini mestilah dapat nikmat semua syarat-syarat, semua peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang Buruh.

Jadi, apa yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah tidak benar, oleh kerana kontraktor itu adalah menjadi majikan. Jikalau sesiapa, mana-mana satu-satu pekerja tidak dapat nikmat apa-apa yang diberi di bawah Undang-undang, mereka itu boleh melaporkan kepada Pejabat Buruh supaya siasatan boleh dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut satu masalah yang ditimbulkan di satu tempat, Sungai Tinggi Batu Arang, di mana ada satu pemogokan. Kementerian

saya memang sedar akan hal sedemikian, tetapi di dalam siasatan kami dapat tahu pemogok itu adalah tidak sah di bawah Undang-undang. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pekerja-pekerja tidak diberi peruntukan perumahan, ini tidaklah benar, oleh kerana kami di atas siasatan yang dijalankan, Pegawai Buruh mendapat tahu majikan itu telahpun membina beberapa buah rumah untuk kegunaan pekerja-pekerja itu dan ada juga rumah-rumah itu didapati tidaklah sesuai, tidak mengikut apa yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan rumah ini telah pun dirobohkan dan rumah baru telah pun dibina semula dan kemudahan-kemudahan yang lain ada juga diberi oleh majikan itu.

Ahli-ahli pekerja-pekerja ini adalah menjadi Ahli Kesatuan NUPW dan kami tahu juga NUPW adalah menjadi wakil mereka itu di atas pertikaian ini dan jikalau Yang Berhormat itu ada apa-apa lagi masalah, jikalau tidak dapat diselesaikan oleh NUPW atau kami tidak tahu apa yang buruh kontrak itu menikmati apa-apa syarat yang telah ditentukan di bawah Undang-undang Buruh, saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu supaya menyampaikan kepada Kementerian saya supaya siasatan yang sewajarnya dapat dijalankan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada menyentuh empat perkara. Yang pertama ialah perluasan Akta Kerja 1955 ke Sabah. Ini seperti Ahli Yang Berhormat itu ada berkata juga telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini beberapa hari dahulu oleh rakan saya. Adalah tidak benar kelewatan itu adalah oleh kerana Kementerian Buruh di sini atau Kerajaan Pusat memainkan politik, ini tidaklah benar. Apa yang sebenarnya ialah oleh kerana Kerajaan Pusat adalah

menghormati hak istimewa yang diberi kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak. Kerajaan Pusat mesti mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebelum Akta ini diperluaskan kepada kedua-dua negeri itu. Dan oleh kerana ada beberapa masalah seperti yang telah dijelaskan oleh rakan saya, kami belum lagi dapat persetujuan dari Kerajaan Negeri. Itulah sebabnya kami belum lagi dapat memperluaskan Akta ini.

Perkara yang kedua disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah perlantikan seorang bekas Pegawai Buruh menjadi Pengerusi Mahkamah Perusahaan adalah tidak selesai.

Saya rasa barangkali Yang Berhormat itu tidak berapa kenal dengan pegawai itu. Pegawai ini sebelum bersara pernah menjadi Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perindustrian. Seperti seorang Ketua Pengarah berkaitan dengan perhubungan perindustrian, ini saya fikir kelayakan yang tertinggi kami boleh dapat menjadi seorang Pengerusi di Mahkamah Perindustrian. Pegawai ini telah lebih 30 tahun menjadi Pegawai Buruh. Dan oleh kerana jawatannya sebelum bersara itu adalah begitu berkaitan dengan mahkamah, maka tidak dapat dinafikan kelayakan beliau itu adalah sesuai sekali.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan juga ada menyentuh pekerja-pekerja yang tidak dapat apa-apa job security, dengan izin. Tadi ada dikatakan juga di bawah Undang-undang Buruh yang ada sekarang kami berasa apa yang ada adalah mencukupi. Memang kami tidak boleh nafikan jikalau ada satu tempat pekerjaan, jikalau majikan itu sendiri pun tidak ada lagi apa-apa kemampuannya supaya boleh dijalankan perniagaan sendiri atau akan menjadi bankrap, apa lagi yang

ada kami boleh katakan security di sini. Ini masalahnya bukanlah apa undang-undang yang tidak mencukupi di negara kita.

Beliau juga ada menyentuh satu perkara iaitu Sabah Immigrant Manpower Centre. Perkara ini juga saya telah jawab dua tiga hari dahulu di Dewan ini. Apa yang beliau sentuh ialah syarikat ini telah pun menerima fee dan ini barangkali tidaklah patut dibuat di sisi undang-undang. Apa yang saya dapat tahu syarikat ini adalah dikenakan satu fee—satu yuran, jikalau majikan-majikan ingin menggunakan syarikat ini mendapatkan pekerja-pekerjanya dari Indonesia, majikan ini akan membayar satu fee pendaftaran dengan syarikat ini dan kemudian tiap-tiap bulan membayar satu yuran untuk perbelanjaan mengurus supaya majikan ini mendapat pekerja itu dari syarikat ini, dan syarikat ini akan mengurus perkara ini sehingga pekerja ini balik ke Indonesia.

Memang, Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Buruh, kami tidak berpuas hati di atas apa yang dibuat oleh syarikat ini, oleh kerana syarikat ini adalah bekerja atau berniaga, syarikat ini adalah bertindih dengan apa kerja yang dibuat oleh Migration Fund Board yang ditubuhkan di bawah Kementerian saya. Perkara ini Kementerian Buruh telah pun berhubung dengan negeri Sabah supaya mendapat satu penyelesaian dan kami sedang menunggu satu jawapan dari Kerajaan Negeri Sabah supaya kami boleh selesaikan perkara ini.

Yang sebenarnya, syarikat ini telah pun didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Company Act) dan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat ini adalah mengikut di sisi undang-undang. Cuma apa yang kami tidak puas hati ialah peniagaannya adalah campurtangan di atas kemasukan pekerja dari Indonesia ke

Sabah dan ini adalah satu procedure melalui Imigeresen. Jadi, pihak Imigeresen patut diberi tahu. Dan juga oleh kerana pekerja ini adalah pekerja asing di bawah Convention ILO, Kementerian Buruh mesti dapat tahu juga. Dan jika cuma di bawa masuk oleh satu syarikat swasta, pihak Imigeresen dan pihak Kementerian Buruh adalah sukar untuk mendapat maklumat-maklumat yang tertentu dari syarikat itu. Itu yang kami tidak puas hati dan perkara ini telah pun dihubungi dengan Kerajaan Sabah dan diharap kami boleh dapat satu jawapan tidak lama lagi.

Saya fikir itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Sekiranya ada apa-apa perkara lain yang saya tidak dapat jawab di sini, kami tetap akan ambil perhatian yang sewajarnya dan kami akan jalankan mana-mana yang perlu dengan seboleh-bolehnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$51,051,600 untuk Maksud B. 47 di bawah Kementerian Buruh jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,051,600 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak £38,282,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan, 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$38,282,900 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1986.

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 48, P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan, 1986)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 48, B. 49, B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 48, P. 49, P. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap satu, dua perkara mengenai peruntukan perbelanjaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya suka menyentuh B. 48, Butiran 2, muka surat 227, juga Butiran 5, Kawalan Alam Sekitar, muka surat 228.

Tuan Pengerusi, meyentuh tentang prestasi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini, setakat sampai hari ini orang ramai tidak nampak kesan-kesan tindakan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini tentang peranannya untuk hendak mengawasi pencemaran sama ada pencemaran air, udara dan juga air sungai.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat sungai-sungai besar, sungai-sungai utama di negara kita ini terutama kalau kita lihat daripada udara, air sungainya berwarna putih macam teh susu. Kebetulan saya daripada Pulau Pinang selalu dapat melihat semasa kita terbang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, sepanjang-panjang sungai Perak, warna putih sampai ke Kuala.

Kita nampak dari mana punca datangnya air yang dikatakan air susu tadi, kebanyakan datang daripada lombong-lombong. Jadi, pelombong-pelombong bijih ini dia dapat duit yang begitu banyak kerana dapat

melombong bijih, tetapi dia menyebabkan pencemaran air sungai di mana hidupan dalam sungai pada masa yang lalu banyak kita boleh dapat pendapatan daripada sungai-sungai, daripada ikan sungai, undang-galah dan sebagainya. Hari ini sudah boleh dikatakan kurang dan ada tempat-tempat yang hapus langsung. Saya fikir dengan hari ini sudah tiga empat kali saya tidak nampak ada apa-apa perubahan tentang pencemaran air sungai ini. Jadi, itulah yang saya katakan tadi seolah-olah Kementerian ini tidak melaksanakan tugas-tugasnya. Tidak bolehkah dikenakan peraturan sebelum air lombong tadi dilepaskan ke sungai mesti disediakan kolam-kolam untuk diproses supaya air yang mengalir ke sungai itu, air itu air yang jernih, mesti kenakan peraturan.

Ada tempat-tempat di mana orang ramai menggunakan air sungai itu bukan sahaja untuk mandi-manda, untuk membasuh kain, kadang-kadang untuk minum. Jadi, ada sebahagian daripada rakyat ini mendapat untung yang banyak tetapi mengakibatkan kesusahan kepada rakyat yang miskin. Ini perkara yang tidak patut berlaku dan saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, Setiausaha Parlimen pun ada, apakah tindakan terhadap lombong-lombong, ini terutama kalau kita tengok dalam kawasan Lembah Kinta, semua air daripada lombong itu mengalir terus ke sungai. Tidak ada satu kolam untuk ditapis dan dialirkan air yang jernih sungai ini dapat digunakan oleh orang-orang yang miskin yang duduk di sepanjang sungai, yang hari ini mendapat banyak pendapatan daripada sungai-sungai.

Saya hairan daripada berpuluh tahun Kementerian ini ada tetapi pelaksanaannya, kalau hendak kata tidak berjalan langsung tidak patutlah, tetapi sangat lembab, sangat lambat,

barangkali kekurangan pegawai, saya tidak tahu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, selain daripada lombong bijih, di Pulau Pinang ini lombong pasir, oleh sebab kontraktor berkehendak pasir daripada sungai untuk dijadikan bahan membina rumah-rumah dan membuat bata daripada pasir, yang kita tahu di sebelah Semenanjung dibuat bata daripada tanah merah tetapi di Pulau Pinang oleh sebab tidak ada tanah merah, dibuat bata dengan pasir, jadi dibuat lombong. Lepas dilombong, air macam air bijih, air daripada lombong bijih juga dilepaskan sepanjang sungai. Apa yang akibah daripada keadaan ini, Tuan Pengerusi, sudahlah sungai itu jadi keroh dan tidak boleh digunakan oleh orang ramai yang duduk di sepanjang sungai itu, lama kelamaan sungai ini menjadi cetek oleh sebab air yang mengalir itu bercampur dengan tanah-tanah yang halus, lama kelamaan menjadi cetek dan bila hujan, banjir habis kampung-kampung. Saya sentiasa mendapat komplek, aduan daripada orang ramai yang tinggal di sepanjang sungai itu.

Di pekan Relau dekat dengan Bayan Baru, setiap kali hujan lebat, rumah di seluruh pekan Relau air naik 3 kaki. Kereta-kereta kecil tidak boleh lalu. Dan hari ini bandar Bayan Baru itu terlibat, 100 buah rumah lebih bila hujan, 4 jam atau 3 jam habis rumah-rumah itu dimasuki pasir-pasir halus.

Masalah dia kadang-kadang TV dan sebagainya, kalau rumah 2 tingkat boleh dipindahkan ke tingkat atas. Kalau rumah itu teres "single storey", dengan izin, rumah setingkat, di mana barang-barang ini hendak dibawa, 3 kaki naik air. Binatang-binatang ternakan habis hanyut. Ini masalah, masalah yang ada sekarang ini, masalah penguatkuasaan. Jadi, yang

dapat duit itu taukeh-taukeh yang menjalankan perusahaan itu tetapi dia menyebabkan kesusahan orang ramai. Di mana orang ramai hendak komplek perkara ini dua tiga jam tidak habis kita hendak cuci. Tanah merah yang masuk dengan selut merah yang masuk ke dalam rumah, lumpur merah itu 3 jam tidak habis, tidak selesai hendak cuci. Dan kerugian dia sama ada boleh orang ramai yang terkena kesan-kesan yang macam ini boleh buat tuntutan ganti rugi kepada taukeh-taukeh yang menjalankan perusahaan melombong pasir itu.

Saya ingin tahu kepada Yang Berhormat Menteri. Setiap kali hujan, saya dipanggil suruh tengok mana Wakil Rakyat, ini rumah kami tenggelam. Dia tanya mana Wakil Rakyat, kita terpaksa pergi randuk air itu, berjalan dalam air itu, pergi supaya dia rasa puas hati Wakil Rakyat sudah tengok dan rasa keadaan yang berlaku. Dan apabila perkara ini saya bawa kepada pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sendiri, bukan Jabatan Alam Sekitar yang meminta kontraktor, itu pergi mendalamkan balik sungai menggunakan jengkaut dan sebagainya tetapi tidak ada pegawai-pegawai Alam Sekitar yang pergi. Dan saya harap dan saya mendesak supaya perkara ini setiap lesen yang hendak dikeluarkan kerana melombong pasir, yang satu lagi saya hendak bercakap mengenai "earth work", kerja-kerja tanah, bila kontraktor hendak buat rumah-rumah, terutama rumah-rumah di lereng bukit, dia potong bukit tadi dengan menggunakan traktor, berlongok-longgok tanah merah. Bila datang hujan, semua tanah merah ini lumpur merah masuk kepada rumah-rumah orang yang di bawah.

Baru sahaja saya baca dalam suratkhbar di mana di Cameron Highlands, sampai ke dalam pekan itu di Ringlet itu habis. Orang berjalan itu

kalau tidak berhati-hati terbalik, jatuh, tergelincir, licin jalan itu. Ini kita hendak salahkan siapa?

Bolehkah kontraktor-kontraktor yang berkenaan tadi dituntut gantirugi oleh orang yang terkena dengan akibat perbuatan pihak kontraktor-kontraktor ini? Bolehkah orang ramai yang terkena akibatnya, menuntut gantirugi daripada kontraktor itu? Dan saya harap pihak Kerajaan akan mengenakan satu peraturan yang ketat iaitu mana-mana kontraktor yang hendak membuat kerja "earthwork" atau kerja-kerja tanah atau hendak memotong bukit dan sebagainya mestilah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar atau Kementerian ini. Kalau tidak, sentiasa perkara ini berlaku dan yang kena marah ialah Wakil Rakyat. "Inilah sikap Kerajaan, Wakil Rakyat itu kerjanya selalu tokeh panggil, ajak minum kopi dan sebagainya." Macam-macam sangkaan buruk, sangkaan buruk terhadap Wakil Rakyat dan pegawai-pegawai yang berkenaan. "Dia sudah masuk, apa pasal dia hendak ambil tindakan." Ini tak fasal-fasal Wakil Rakyat dan pegawai-pegawai Jabatan terkena tuduhan. Saya tak tahu sama ada ini tanggungjawab Kementerian Alam Sekitar atau lain-lain Kementerian, tetapi ini pencemaran namanya.

Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai tanah merah ini, apabila sesuatu projek perumahan hendak dijalankan dibuat "red earth filling dengan izin, atau tambun tanah merah dibawa dengan lori, beratus lori. Di Pulau Pinang, sampai 40-50 lori kontraktor berkenaan bawa, sepanjang jalan itu tanah merah bertaburan. Bila datang panas, tanah merah itu jadi debu, habis rumah orang sepanjang jalan itu kena debu, masuk debu, makan nasi pun masuk debu. Apa yang saya cakap ini perkara yang saya menerima aduan, saya kena pergi periksa rumah orang yang terkena itu memang betul,

macam dicat warna merah rumah itu. Kalau Menteri yang berkenaan kurang percaya, boleh kita pergi tengok sampai suku inci tebalnya debu tanah merah melekat, sepanjang-panjang rumah, kedai kopi kena tutup, stall-stall tepi jalan kena tutup.

Jadi orang lain yang mendapat faedah, dapat untung besar, orang ramai yang tak bersebab telah mendapat kerugian atas perbuatan itu, satu orang dapat untung, orang ramai mendapat kerugian. Masalahnya pelaksanaan. Saya berharap sekali lagi supaya perkara ini, pihak Kementerian yang berkenaan dapat menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang telah sedia ada. Kalau tidak, kalaulah alang-alang sabar, kemungkinan berlaku pergaduhan. Dia sudah beli tudung tingkap, langsir elok dibubuh kerana menyambut hari raya, datang tanah merah, lori lalu berdebu habis terkena rumah. Ini perkara benar berlaku, hati mana yang tak marah? Susah payah orang hendak mengelokkan rumah, hendak sainbut hari kebesaran, datang lori berdebu, habis melekat di rumah-rumah dan langsir yang dibeli berpuluh ringgit belanja hendak mengindahkannya rumah itu. Ini masalah sosial timbul.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi saya hendak bercakap mengenai penguatkuasaan, tentang alam sekitar ini. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar ini menahan kenderaan-kenderaan yang didapati mengeluarkan asap banyak. Selain daripada Jabatan Alam Sekitar yang menjalankan penguatkuasaan menguji tentang asap daripada kenderaan-kenderaan itu, pihak JPJ pun buat juga kerja itu. Di kawasan saya itu, pihak pemandu dan tuannya teksis selalu komplek dan buat aduan, JPJ tahan, periksa asap teksinya, dia kata: OK, boleh jalan, elok. Esoknya Jabatan Alam Sekitar pula tahan, dia

buat ujian: Ah! ini kena denda, asap terlampau banyak. Didenda. Jadi di bawah satu Kerajaan, yang satu jabatan kata OK, yang satu jabatan kata kena denda. Ini macam mana? Tidakkah ada penyelarasan antara Kementerian Alam Sekitar dengan JPJ? Ini perkara tak patut berlaku. Kes ini ada, kalau Ahli Yang Berhormat Menteri berkehendakkan bukti, saya boleh bawa kes ini, perkara ini memang berlaku dan saya harap supaya diadakan suatu penyelarasan. Apabila pihak JPJ kata OK, biarlah pihak Jabatan Alam Sekitar pun kata OK. Dari tunjuk, ini baru dua hari sudah saya diperiksa oleh JPJ, ini suratnya. Tetapi pegawai kata, ini kami bukan JPJ, kami dari Jabatan Alam Sekitar. Bertengkar pula dengan pegawai yang berkenaan. Masalah ini susah, dua kaptan, dua pengadil membuat satu keputusan.

Jadi dalam hubungan ini saya harapkan pihak Kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Pengangkutan barangkali dapat mengadakan peraturan iaitu apabila sesuatu kenderaan itu telah diuji oleh JPJ, patutlah Jabatan Alam Sekitar itu jangan uji lagi. Itu yang lebih baik supaya tidak mendapat keputusan yang berbeza. Walaupun apabila Jabatan Alam Sekitar sudah pun menguji, memeriksa sesuatu kenderaan itu, di beri surat kepada pemandu yang berkenaan mengatakan kereta awak sudah pun diuji sekian-sekian masa, dan apabila JPJ datang, kita boleh tunjukkan bukti, saya sudah pun dua hari lalu diperiksa oleh Jabatan Alam Sekitar dan dia kata OK. Kalau tidak yang terkena ialah orang ramai. Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah, orang ramai yang tak ada sebab, tak fasal-fasal pula terkena. Ini satu perkara yang saya fikir tak patut berlaku kalau kita ada penyelarasan di peringkat Jabatan atau di peringkat Kementerian. Jangan dua-dua sekali, kalau sudah ada satu Kementerian

atau Jabatan buat ujian, Jabatan yang lain janganlah buat ujian sekali lagi dan keputusan yang berlainan, yang berbeza. Saya sangat tidak puas hati atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga suka bercakap mengenai Butiran 3, muka surat 227—Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Di kampung-kampung, Tuan Pengerusi, orang ramai suka membela atau memelihara binatang-binatang ganjil macam burung tiong, burung kakak tua, burung murai batu atau merbah jambul. Kadang-kadang bukan dia pergi jerat burung itu, dia jumpa anak burung itu dia bela, dia sayang lebih, murai batu dan sebagainya. Semua boleh dapat di kampung-kampung, bukan kita kena pergi buat jerat, pergi tangkap dia, tak payah, itu boleh dapat. Jadi dia bela, dia sayang, kemudian pegawai Jabatan Perlindungan Alam Sekitar itu datang dan denda orang kampung itu dengan tidak memberikan amaran. Orang kampung, dia tak tahu yang mana satu binatang yang tak boleh kita bela dan sebagainya. Dan perkara ini saya harap pihak Jabatan ini dapat memberikan penerangan, kalau boleh kepada semua JKKK, kepada Pegawai Daerah, bagi senarai binatang-binatang yang kita tak boleh pelihara, kalau hendak pelihara, kena dapat lesen dan sebagainya.

Saya beri satu contoh. Perkara ini berlaku di sebuah kampung bernama Kampung Batu Uban. Kampung Batu Uban ini di hadapan Universiti Sains Malaysia. Satu orang itu dia bekas askar, dia bawa balik binatang mawas yang dia bela daripada kecil semasa dia berada dalam hutan. Dia bawanya balik. Dia tahu masalah kena dapat kebenaran, dapat lesen untuk bela ini dan dia pergi jumpa Jabatan yang berkenaan. Dia tanya, "Saya kena ambil lesen tak, kena dapat

kebenaran?" Pegawai itu kata, "Baliklah. Belalah sebab sudah lama bela." Di bawanya balik, bela sampai setahun. Selepas itu baru-baru ini, pegawai daripada Jabatan yang berkenaan hantar saman "Awak didapati ada bela sekian-sekian binatang," dan suruh dia bayar. Jadi saya tidak tahu kenapa perkara ini berlaku. Semasa dia pergi minta lesen atau minta kebenaran itu, tidak dikeluarkan lesen atau kebenaran. Lepas setahun dia pula dikenakan hukuman kerana tidak mendapat kebenaran memelihara binatang mawas tadi itu.

Jadi, ini masalah pelaksanaan. Masalah pegawai-pegawai barangkali cuai dalam kerja-kerja dan tugasnya. Saya harap patutlah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian dalam perkara ini supaya orang-orang kampung yang bertujuan hendak memelihara binatang kesayangan, burung-burung yang mereka dapat di kawasan itu boleh buat demikian. Bukanlah mereka pergi cari atau memburu burung-burung itu—tidak; yang dapat kerana anak itu dapat jatuh dalam hutan, dia ambil dan belanya sehingga besar. Barangkali kita boleh buat pengecualian dalam perkara-perkara ini.

Tujuan dia bukan hendak berniaga atau bukan hendak membunuh atau hendak menghapuskan binatang-binatang itu malah patut kita beri terima kasih kerana orang itu jaga binatang itu, dia bela. Ertinya dia menjaga hidupan liar yang dilindungi oleh undang-undang kita. Patut kita berterima kasih dan bukan kita denda dia, kerana dia jaga, dia beri makan, bukan kerana dia hendak berniaga atau hendak hantar keluar negeri dan sebagainya.

Jadi, itulah perkara-perkara yang hendak saya timbulkan, Tuan Pengerusi, dalam membahaskan

peruntukan yang diberi kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah suntuk dan kita telah pun terlewat. Sepatutnya kita sekarang ini membahas peruntukan Kementerian Pengangkutan. Pertama saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap jangan panjang sangat dan saya harap selepas dua orang bercakap lagi, saya akan meminta Yang Berhormat Menteri bagi menjawab.

Yang Berhormat dari Hilir Padas. Jangan panjang sangat!

5.23 ptg.

Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, di bawah Maksud Bekalan B. 48.

Pertama-tamanya saya ingin menyentuh Butiran 5 di muka surat 228 mengenai kawalan alam sekitar.

Tidak sesiapa yang boleh menafikan bahawa semua manusia ingin hidup di dalam suasana alam sekitar yang bersih, kerana dengan keadaan yang sedemikian sudah pasti kita akan hidup dalam keadaan yang tenteram. Dalam hubungan inilah saya ingin menyentuh mengenai keadaan alam sekitar di kawasan bandar dan pekan di Sabah, terutamanya di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Walaupun terdapat undang-undang seperti anti-litter bylaws, dengan izin, dan walaupun Kerajaan telah pun mengadakan beberapa kempen di seluruh negara mengenai kebersihan, masih juga terdapat keadaan yang sangat kotor terutama sekali di bangunan-bangunan kedai di mana sampah sarap kelihatan di sana-sini,

dan ini menjadikan sarang bagi tikus dan sebagainya. Keadaan yang sedemikian rupa ini juga menjadi eye sore, dengan izin.

Memandangkan bahawa perkara ini sangat serius, saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan sama ada mereka sedar mengenai perkara ini dan kalau sedar apakah tindakan telah dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan demi mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, sesiapa sahaja yang pernah terbang di angkasa atau ruang udara negeri Sabah terutamanya di musim hujan seperti juga apa yang telah diperkatakan oleh saudara saya dari Balik Pulau, ianya akan dapat menyaksikan dengan jelas sungai-sungai yang mengalirkan air yang berwarna ala-susu ke laut. Keadaan yang sedemikian juga dialami oleh beberapa batang sungai walaupun musim kemarau. Perkara yang serupa ini berlaku adalah akibat dari kegiatan pembalakan yang berleluasa yang mana menyebabkan hakisan tanah di kawasan sungai-sungai yang tersebut seperti Sungai Kinabatangan, Sungai Padas, sungai Sugut dan sebagainya.

Apa yang menyedihkan saya, Tuan Pengerusi, ialah oleh kerana kegiatan pembalakan yang tidak terkawal ini maka yang menerima akibatnya ialah penduduk-penduduk luar bandar yang terpaksa meminum dan menggunakan air yang berkeadaan seperti susu. Keadaan yang sedemikian ini sudah pasti akan memudaratkan penduduk-penduduk berkenaan.

Saya sedar memang kegiatan pembalakan itu adalah satu daripada sumber pendapatan sesebuah negeri atau negara itu. Tetapi kita harus juga menyedari bahawa kegiatan pembalakan yang berleluasa yang tidak terkawal akan hanya

mengakibatkan hakisan tanah yang akan seterusnya mengakibatkan pencemaran air terutamanya di sungai-sungai.

Seperti yang saya katakan tadi akibat dari pencemaran air ini, yang menerima penderitaan ialah para pengguna air tersebut, terutamanya mereka yang bermastautin di kawasan luar bandar. Pencemaran air ini juga telah memusnahkan beberapa jenis ikan di sungai-sungai yang berkenaan yang dahulunya menjadi satu sumber makanan bagi penduduk-penduduk yang saya maksudkan.

Memandangkan bahawa perkara ini adalah sangat serius, saya merayu supaya pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengkaji sedalam-dalamnya mengenai perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan tegas demi memastikan supaya penduduk-penduduk luar bandar yang saya maksudkan tadi tidak lagi teraniaya kerana saya rasa mereka juga berhak untuk menikmati air yang bersih seperti juga apa yang telah dan sedang dinikmati oleh penduduk-penduduk dalam bandar.

Tuan Pengerusi, mungkin banyak orang yang tidak menyedari bahawa terdapat beberapa coral reef, dengan izin, di pantai negeri Sabah yang hidup dengan semula jadinya dan kebanyakan dari coral reef ini adalah terdapat di beberapa kawasan Taman Negara. Apa yang mendukacitakan saya ialah banyak daripada coral ini telah pun musnah akibat dari kegiatan pengeboman oleh nelayan-nelayan yang menggunakan bom yang kebanyakannya daripada negeri asing yang menangkap ikan di laut secara mengebom, dan juga akibat dari perusahaan pengambilan pasir dari dasar laut.

Saya telah difahamkan bahawa untuk mewujudkan satu kumpulan coral, dengan izin, hidup yang menarik, ianya memakan masa lebih

kurang 300 tahun. Kehadiran coral reef ini bukan sahaja sebagai daya penarik ke arah pembangunan dan kemajuan pelancongan negeri Sabah tetapi ianya juga sebagai sarang untuk ikan-ikan membiak. Oleh yang demikian, demi mengekalkan kewujudan coral ini, saya merayu kepada pihak Kementerian dengan kerjasama Taman Negara di Sabah supaya dapat mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang memusnahkan coral reef ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh Butiran 3, muka surat 228, mengenai Zoo Negara. Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, satu kemalangan telah berlaku di Zoo Negara di mana seorang pekerja telah meninggal dunia akibat dari serangan seekor badak sumbu. Memang malang tidak berbau. Namun pun demikian, kejadian sesuatu kemalangan itu mungkin berpunca dari kecuai. Di dalam kejadian yang berlaku di Zoo Negara baru-baru ini, mungkin ia berlaku bukan oleh kerana kecuai pekerja itu tetapi akibat dari kurang kemahiran dalam mengendalikan binatang berkenaan.

Di dalam hubungan ini yang cuai saya rasa ialah pihak pengurusan Zoo Negara itu sendiri yang seharusnya melatih pekerja tersebut dengan mendalamnya mengenai sebarang teknik untuk mengendalikan dan menjaga serta mengawal sebarang binatang yang ada di dalam Zoo tersebut.

Demi mengelakkan perkara ini berlaku lagi di masa-masa yang akan datang, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian melalui Zoo Negara haruslah melatih pekerja-pekerja yang ada di Zoo tersebut dengan berbagai-bagai kemahiran mengenai pengendalian sebarang binatang yang ada di Zoo Negara.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya dan keluarga saya telah melawat Zoo Negara dan saya terkejut dan tersinggung sedikit apakala mengetahui bahawa ada terdapat beberapa ekor babi, mungkin babi hutan, yang ditayang di kawasan Zoo. Seperti yang dimaklumi, memang ramai orang yang datang mengunjungi Zoo Negara setiap hari dan sudah pasti ramai juga daripada mereka yang beragama Islam dan saya yakin memang ramai dari mereka yang mungkin berperasaan seperti saya. Demi mengatasi masalah ini dan demi tidak menyinggung perasaan kaum Muslimin yang melawat Zoo Negara, saya mencadangkan supaya babi-babi tersebut tidak lagi dipamerkan di Zoo tersebut.

Kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, semasa pemerintahan BERJAYA di Sabah, Kerajaan telah bercadang untuk menubuhkan sebuah Zoo di negeri tersebut yang bertempat di Kota Kinabalu. Memandangkan bahawa Zoo adalah merupakan satu daya penarik kepada pelancong dan memandangkan bahawa Zoo juga merupakan satu sumber di mana masyarakat boleh mempelajari mengenai hal ehwal kehidupan liar dan sebagainya, saya mengesyorkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya dapat menubuhkan sebuah Zoo di Sabah.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan yang diuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi tahun 1986.

Tuan Pengerusi: Ahli Berhormat dari Tenggaroh. Selepas ini saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri menjawab dan saya minta maaf.

5.33 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam

perbahasan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Maksud B. 48, Butiran 2—Alam Sekitar.

Kalau Wakil dari Balik Pulau sebentar tadi dengan panjang lebar menceritakan tentang masalah pencemaran air, pencemaran udara, pencemaran air di Sungai Perak dan juga pencemaran udara melalui enjin-enjin kereta yang banyak mengeluarkan asap, bagi saya bukan hanya satu sungai sahaja yang pada masa ini menghadapi masalah pencemaran air akibat daripada perlombongan yang kurang diawasi oleh Kementerian, malah kalau kita membaca berita terdapat banyak rungutan masyarakat di dalam negara ini, terutamanya bagi kaum nelayan darat yang mengadu hal pencemaran air akibat daripada perlombongan dan juga akibat daripada pembuangan hasil bahan-bahan buangan daripada kilang-kilang kelapa sawit.

Maka oleh hal yang demikian, saya juga amat mengharapkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar agar pada masa-masa yang akan datang bertindak dengan lebih tegas lagi terhadap mereka yang melakukan pencemaran air-air sungai sepertimana yang telah dihuraikan oleh Wakil dari Balik Pulau dengan panjang lebar tadi.

Berkaitan dengan Butiran 2 ini juga—Alam Sekitar, saya ingin membawa satu lagi masalah pencemaran iaitu pencemaran udara melalui kilang-kilang baja ikan. Saya contohkan di Mersing, di kawasan pilihanraya saya, terdapat lebih daripada 3 buah kilang baja ikan dan ketiga-tiga buah kilang baja ikan ini memberikan pekerjaan kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan, kepada seramai lebih kurang melebihi 200 orang. Apa yang menjadi masalah kepada penduduk-penduduk di kawasan pekan kecil Endau dan juga pekan kecil Mersing

ialah mereka menghadapi masalah bau busuk hasil daripada keluaran kilang baja ini.

Pihak pentadbir daerah telah beberapa kali menerima aduan daripada masyarakat tempatan mengenai hal pencemaran udara ini dan telah pun beberapa kali mencuba dengan sedaya upaya untuk mengatasi masalah tersebut, tetapi malangnya hingga ke saat ini tidak ada suatu keputusan yang positif dapat diperolehi bagi menghilangkan bau busuk hasil daripada keluaran ikan baja ini.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa di Singapura sana terdapat juga kilang-kilang baja ikan ini tetapi kita tidak pernah mendengar rungutan-rungutan daripada masyarakat sekeliling di kepulauan itu yang mengatakan bahawa kilang-kilang baja yang terdapat di Singapura itu mengeluarkan bau busuk. Jika sekiranya apa yang diberitahu kepada saya dan saya beritahu kepada Dewan yang mulia ini benar, maka saya amat berharap kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini supaya menghantar beberapa orang pakarnya ke kepulauan tersebut untuk mengkaji, untuk meneliti apakah bentuk teknologi yang digunakan oleh kilang baja ikan di Singapura tersebut. Hasil daripada kajian tersebut bolehlah kita bawa ke kawasan kita, ke Malaysia Barat ini, agar pengusaha-pengusaha kilang baja ini mengubah stail pengeluaran daripada kaedah yang ada sekarang ini kepada kaedah yang baru, yang tidak mengeluarkan bau yang begitu busuk, yang menyukarkan orang ramai terutamanya di musim-musim hujan seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 3—Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Tahun ini saya rasa merupakan tahun

yang ketiga saya bercakap mengenai masalah pemindahan hidupan-hidupan liar yang merayau memusnahkan tanaman, mengacau dan sebagainya di kawasan pertempatan-pertempatan baru, supaya hidupan-hidupan liar ini dipindahkan.

Setelah 3 tahun bercakap atas tajuk yang sama, hingga saya menjadi popular sebagai “Wakil Rakyat Gajah” di kalangan rakan-rakan saya, saya dapati tidak ada satu tindakan pun yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memindahkan gajah-gajah tersebut ke kawasan Taman Negara Endau/Rompin. Untuk makluman Menteri yang berkenaan, bahawa jarak di antara Taman Negara dengan kawasan pertempatan FELDA Tenggaroh tidak jauh, lebih kurang dalam lingkungan 40 batu ataupun 30 batu begitulah. Jika sekiranya perkara ini tidak diselesaikan, saya rasa peneroka-peneroka FELDA akan menghadapi masalah beban hutang yang kian bertambah dari semasa ke semasa akibat daripada kerja-kerja penyulaman pokok-pokok kelapa sawit yang senantiasa dirosakkan, dimusnahkan oleh gajah-gajah liar ini.

Tahun yang pertama saya bercakap mengenai gajah di Tenggaroh ini ada terdapat 7 ekor, kemudian tahun ini saya ingat perkara ini ada dalam makluman Tuan Pengerusi sendiri, daripada 7 ekor telah bertambah kepada 20 ekor bilangannya. Kalau tidak diambil tindakan pada masa-masa yang akan datang mungkin bertambah banyak lagi gajah-gajah yang akan memusnahkan tanaman-tanaman di kawasan pertempatan-pertempatan baru ini.

Oleh yang demikian, saya tidak mahu bercakap lagi dalam masalah gajah ini pada tahun-tahun akan datang. Inilah kali terakhir mungkin saya bercakap tentang benda ini dan

saya amat berharap kepada Menteri yang berkenaan agar mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memindahkan gajah-gajah ini ke kawasan Taman Negara Endau/Rompin yang berhampiran.

Mengenai butiran yang sama juga, saya berharap sangat kepada Kementerian ini supaya sentiasa menjaga dan memelihara keaslian Taman Negara Endau/Rompin ini dan supaya Kementerian ini sentiasa berhubung dengan Jabatan Hutan jika sekiranya ada permohonan pembalakan di kawasan tersebut, maka permohonan-permohonan seumpama itu hendaklah ditolak tanpa alasan.

Mengenai pemeliharaan keaslian Taman Negara ini adalah penting kerana kawasan Taman Negara Endau/Rompin itu adalah merupakan satu kawasan yang saya anggap baik dari sudut keaslian di samping itu merupakan satu kawasan yang baik yang berpotensi dari sudut pelancongan. Bercakap dari sudut pelancongan ini, sukalah saya mencadangkan kepada Kementerian ini agar membuat kajian supaya jalan masuk ke kawasan Taman Negara Endau/Rompin ini dapat dibuat dengan seberapa segera yang boleh di Kahang, Batu 26, di samping itu cuba merintis jalan menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan di Sungai Endau daripada pekan Endau sampai ke hulu Sungai Endau di mana kawasan Taman Negara ini terletak.

Tuan Pengerusi, secara keseluruhannya buat akhirnya, saya memerhatikan daripada Butiran 1 ke Butiran 3, saya dapati bilangan jawatan untuk ketiga-tiga butiran ini tidak bertambah kalau kita bandingkan bilangan jawatan tahun 1985 dan 1986. Pentadbiran Am ada 89 pada tahun 1985 dan 89 juga pada tahun 1986. Butiran 2 tahun 1985—388 orang dan tahun 1986 juga 388 orang

kakitangan dan pegawai, kemudian bagi Butiran 3 tahun 1985—948 dan juga sama bilangannya pada tahun 1986.

Kemungkinannya kekurangan pegawai dan kakitangan yang menyebabkan Kementerian ini menghadapi berbagai-bagai masalah. Kementerian ini menghadapi masalah hendak menyegerakan kajian, menyegerakan penyelidikan, menyegerakan pemindahan binatang-binatang hidupan liar ini. Kemungkinan kerana kekurangan kakitangan, tidak cukup kakitangan. Tetapi kalau tidak salah saya pada tahun yang lepas, apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai masalah kakitangan di dalam Kementerian ini, jawapan yang diterima ialah Kementerian tidak menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa, saya yakin bahawa kakitangan ini tidak cukup—bilangan kakitangan yang ada sekarang ini tidak cukup untuk mengendalikan tugas dan tanggungjawab Kementerian yang banyak dan begitu mencabar terutamanya pada saat-saat ini.

Oleh hal yang demikian, sukalah saya mencadangkan kepada Kerajaan agar bilangan kakitangan ini ditambah. Kakitangan yang ada biarlah cekap. Kalau mereka tidak cekap di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, maka berlakulah kelambatan seperti yang disuarakan oleh Ahli-ahli Dewan di dalam perbahasan peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini. Kakitangan tambahan pada masa-masa yang akan datang hendaklah juga diberi latihan yang khas kepada mereka di samping itu Kementerian ini, saya mencadangkan supaya sentiasa dari masa ke semasa bekerjasama dengan Institusi-institusi Pengajian Tinggi

yang terdapat di dalam negara ini untuk membuat penyelidikan, untuk membuat kajian, untuk memberikan kemahiran latihan kepada kakitangan-kakitangan yang akan kita ambil pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang dapat saya sampaikan dan buat akhirnya, saya menyokong peruntukan yang diberikan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.45 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan Belanjawan Kementerian saya. Bidang kuasa Kementerian saya meliputi Sains dan Teknologi serta pengurusan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, ada pertanyaan berkenaan kurom. Tuan Setiausaha, sila bilang dahulu.

(Ahli-ahli dikira: 21 orang hadir).

Tuan Pengerusi: 21 tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 33 orang hadir).

Tuan Pengerusi: 33 orang, sudah cukup. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Terima kasih. Bidang kuasa Kementerian saya meliputi Sains dan Teknologi serta pengurusan Alam Sekitar dan pemeliharaan hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan. Beberapa teguran telah pun dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan alam sekitar dan izinkan saya untuk menyatakan bahawa secara amnya, tindakan-tindakan pengurusan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar adalah bercorak tiga serampang.

- (i) Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- (ii) Memberi nasihat dan garis panduan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memasukkan dimensi alam sekitar ke dalam perancangan pembangunan; dan
- (iii) Mewujudkan kesedaran alam sekitar di antara orang ramai.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Jabatan Alam Sekitar telah pun menubuhkan 8 buah pejabat wilayah, iaitu di Johor Bahru, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ipoh, Butterworth, Kuantan, Kuala Trengganu, Kota Kinabalu dan Kuching untuk memberi perkhidmatan serta kekesanan terhadap program alam sekitar di peringkat negeri.

Penggubalan Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dibuat untuk mengawal perlepasan effluen dari industri-industri seperti getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain industri di mana tahap-tahap yang tertentu telah pun ditetapkan. Ini adalah melingkungi masalah pencemaran air. Selain daripada itu, terdapat juga undang-undang untuk mengawal pencemaran udara yang berpunca dari kenderaan bermotor dan kilang. Kementerian saya akan terus menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan ke atas pesalah-pesalah dengan lebih ketat lagi demi perlindungan alam sekitar.

Dalam pada itu, dalam usaha untuk menentupastikan keadaan kualiti air dan udara di seluruh negara, Kementerian saya telah menyediakan stesen-stesen pengawasan di takat-takat yang strategik berasaskan peruntukan kewangan yang terhad. Untuk mengadakan lebih banyak lagi takat-takat pengawasan, Kementerian saya telah meminta kerjasama lain-lain agensi seperti Perkhidmatan Kajicuaca, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Parit dan Taliair, PETRONAS, Jabatan Bekalan Air dan juga universiti untuk mengambil contoh dan bacaan dan hantarkannya kepada pihak Jabatan Alam Sekitar supaya analisa dapat dijalankan oleh Jabatan Kimia.

Bilangan stesen pengawasan perlu ditambah dan saya berharap lain-lain agensi ataupun estet-estet yang besar, syarikat-syarikat dan agensi-agensi negeri akan menawarkan kerjasama di dalam perkara ini. Dengan adanya lebih banyak lagi stesen pengawasan, penilaian ke atas keadaan alam sekitar di mana-mana kawasan dapat dibuat dengan lebih tepat lagi. Sebaik sahaja kawasan-kawasan yang paling tercemar dikenalpastikan, usaha-usaha akan ditumpukan untuk mengatasi atau menghapuskan punca-punca pencemaran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, perlu diingatkan bahawa pencemaran alam sekitar bukan sahaja disebabkan oleh effluen atau pelepasan kilang-kilang. Ia juga disebabkan oleh lain-lain aktiviti seperti galian lombong-lombong, pembangunan tanah, pembinaan bangunan, hakisan dan kelodakan, pelepasan najis dari rumah, pembuangan najis dari ternakan babi dan pelupusan sampah sarap. Punca-punca ini ialah salah satu sebab utama pencemaran. Pada masa kini pengawalan aktiviti-aktiviti tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak

berkuasa tempatan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ambil perhatian teguran ini.

Peranan Kementerian saya di dalam hal ini ialah untuk memberi nasihat dan membantu pihak-pihak Negeri dan kerajaan tempatan untuk mengatasi masalah ini. Dalam pada itu, Kementerian saya telah pun menyediakan beberapa garis panduan serta menekankan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengambil kira dimensi alam sekitar di dalam perancangan pembangunan. Selain daripada itu, Kementerian saya telah pun meminta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Negeri mengenai Hal Ehwat Alam Sekitar. Beberapa negeri telah pun menyambut baik cadangan ini dan telah menubuhkan Jawatankuasa Negeri tersebut dan saya berharap negeri-negeri yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasa itu akan berbuat demikian. Bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, kedua-dua negeri ini mempunyai Kementerian Negeri yang khas untuk menyelenggarakan hal ehwal alam sekitar.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, memang benar adalah sungai-sungai yang masih kotor. Pencemaran di sungai yang disebut, oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah berpunca dari lombong-lombong. Seperti saya katakan tadi, kawalan pencemaran air dari lombong-lombong adalah di bawah kawalan Jabatan Galian dan bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar oleh kerana aktiviti pembangunan ialah di bawah jajaan Kerajaan Negeri. Jabatan Galian yang patut mengetatkan lagi undang-undang dan kaedah-kaedah perlombongan di negeri-negeri yang terlibat. Setahu saya Jabatan Galian dalam hal ini telah memperketatkan lagi kualiti air yang kotor sebelum dilepaskan ke sungai.

Mengenai kerja-kerja pembangunan tanah, Jabatan Alam Sekitar telah pun menyediakan garis panduan untuk mengawal hakisan tanah untuk Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri atau Tempatan supaya menggunakan garis panduan ini sebelum lesen-lesen pemaju dan perlombongan dikeluarkan. Kementerian saya terus mengawasi perkembangan ini supaya Kerajaan-kerajaan Negeri atau Tempatan mempertingkatkan program-program penguasaan dan penguatkuasaan undang-undang negeri yang ada.

Tuan Pengerusi, selain daripada penguatkuasaan undang-undang oleh Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri, golongan-golongan yang terlibat di dalam semua aktiviti pembangunan seperti juru perunding, jurutera, kontraktor, pemaju tanah dan sebagainya hendaklah memikul tanggungjawab untuk menentukan bahawa aktiviti-aktiviti mereka tidak akan membawa kesan-kesan yang buruk ke atas alam sekitar. Mereka ini hendaklah menerima tanggungjawab untuk melindungi alam sekitar, bukan sahaja dari segi kewajipan undang-undang tetapi sebagai kewajipan mereka kepada masyarakat atau, dengan izin, "moral obligation to society".

Mengenai penguatkuasaan kaedah-kaedah untuk mengawal kereta-kereta berasap, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah menjalankan gerakan bersama atau "joint operation", dengan izin, dan tidak berasingan. Kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tidak patut berlaku. Jika ia pernah berlaku, silalah Ahli Yang Berhormat menulis surat kepada saya.

Mengenai perlindungan burung, ingin saya menegaskan, Tuan Pengerusi, bahawa hidupan liar yang terancam di negara ini adalah

diperindungi di bawah Akta Hidupan Liar, 1972 dan burung murai batu dan unka adalah terkawal di bawah Akta itu. Oleh yang demikian, Kementerian saya terpaksa mengawasi dan mengambil tindakan dan tidak boleh memberi kecualian supaya spesi-spesi terancam tidak pupus sama sekali. Penerangan-penerangan yang cukup sentiasa disebar kepada orang ramai melalui Jabatan Penerangan dan ceramah-ceramah.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh membangkitkan mengenai masalah pemindahan gajah-gajah di FELDA Tenggaroh, Johor ke Taman Endau/Rompin. Saya memang sedar mengenai masalah ini dan buat masa ini kerja-kerja pemindahan gajah sedang diusahakan di negeri Perak. Sebaik sahaja kerja-kerja di atas siap dilaksanakan, tumpuan akan dilakukan di Johor pula. Ini adalah oleh kerana kerja-kerja dan pemindahan gajah agak sukar dan sangat merbahaya. Memandangkan ia memakan masa yang panjang, ia juga memerlukan kepakaran di dalam operasi ini. Walau bagaimanapun, renjer-renjer hidupan liar sentiasa dihantar untuk menembakhalau buat sementara waktu sebelum kerja-kerja memindah dimulakan di Tenggaroh.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Hilir Padas membangkitkan kemalangan pekerja Zoo Negara oleh badak sumbu. Kementerian saya sememangnya mengambil berat mengenai perkara seperti ini dan siasatan masih dijalankan oleh pihak Zoo Negara.

Tuan Pengerusi, di sini saya menjelaskan tiap-tiap teguran yang membina akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$42,837,500 untuk Maksud B. 48; \$11,820,100 untuk

Maksud B. 49 dan \$22,157,700 untuk Maksud B. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$42,837,500 untuk Maksud B. 48, \$11,820,100 untuk Maksud B. 49 dan \$22,157,700 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$11,960,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 48; \$2,300,000 untuk Maksud P. 49 dan \$3,420,060 untuk Maksud P. 50 dalam Anggaran Pembangunan, 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,960,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 48; \$2,300,000 untuk Maksud P. 49 dan \$3,420,060 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1986.

Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 (Jadual)—

Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan, 1986)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 51 hingga B. 56 dan Maksud Pembangunan P. 51 hingga P. 56 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Padang.

6.15 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Maksud Bekalan B. 51

dan Maksud Pembangunan P. 51 di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya ingin menyentuh mengenai peruntukan Kementerian Pengangkutan yang telah diluluskan baru-baru ini iaitu tambahan sebanyak \$444 juta. Jumlah wang yang sebegini banyak hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, muka surat 240, Butiran 9, Keretapi Tanah Melayu mengenai Jentera Penyelenggaraan Landasan.

Tuan Pengerusi, landasan-landasan keretapi kita ini selalu sahaja menempuh kerosakan dan kegelinciran yang mana saya beberapa kali naik keretapi daripada Pulau Pinang ke Tapah Road, begitu juga ke Selatan iaitu Singapura, didapati di tengah-tengah perjalanan diberi tahu bahawa di hadapan, misalnya daripada Pulau Pinang kita terpaksa berhenti di Bagan Serai berhampiran dengan Bukit Merah, Taiping, landasan sedang diperbaiki.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pengangkutan kita ini banyak jenisnya, kita takut dan kita berasa cuak orang tidak mahu naik keretapi di masa akan datang, kalau sekiranya kerosakan ini berlarutan.

Keretapi ini namanya sangat indah, "Sinaran Malam", tetapi sudah jadi Sinar Tengahari, Tuan Pengerusi, kerana menunggukan membaiki landasan itu, "Sinaran Pagi" sampai "Sinaran Malam", begitulah terbalik-terbalik nama-nama cantik itu, Tuan Pengerusi. Janganlah hendaknya jadi demikian, sebagaimana tambahan wang ini ada, digunakanlah dengan sebaik-baiknya kerana kita takut perlumbaan kenderaan-kenderaan di negara kita ini dengan bas ekspresnya, dengan teksi moden yang mempunyai "air-con" dan sebagainya, kita takut Kementerian ini ketinggalan dalam keretapi. Namanya Keretapi

Tanah Melayu, kata mereka; kebun Melayu semak; jadi, Keretapi Tanah Melayu pula rosak.

Tuan Pengerusi, yang kedua, Butiran 12, Rumah-rumah Pekerja-pekerja Keretapi. Daripada tahun berapa dibuat rumah pekerja-pekerja keretapi ini, masih ada terdapat bangunan yang demikian. Satu dapur, satu bilik tengah, macam penjara. Anak orang itu 9 orang, tambah ibu-bapa, jadi 11 orang. Di situlah mereka tidur. Macam mana dikepong-kepong pun nampak juga—seberang sana, seberang sini, kecil sangat, Tuan Pengerusi. ni hendaklah diperhati dan diperbaiki.

Di Parlimen ini bercakaplah mengenai rumah, rumah, rumah mereka, tetapi tetap seperti itu juga. Rupanya pun ganjil, daripada batu, bagaimana hendak dapat udara, wallahua'lam. Tingkap tak ada! Menderita pekerja-pekerja keretapi ini, Tuan Pengerusi.

Butiran 14, Gerabak-gerabak. Gerabak-gerabak ini kadang-kadang terdapat dilontar oleh penduduk-penduduk nakal yang tinggal di sekitar perjalanan keretapi ini. Walaupun dibuat undang-undang tetapi siapa yang hendak mengikut undang-undang? Ibarat kita hendak buang sampah, kita letakkan undang-undang, \$500 didenda kepada pembuang sampah, tetapi sampah masih ada lagi. Tetapi kalau dapat pihak Keretapi Tanah Melayu ini di mana didapati budak-budak nakal atau orang tak siuman di kawasan itu dibawa berbincang, pihak Keretapi ini datang ke tempat itu, berunding dengan JKK kampung setempat, bawa ini, ini, buat kenduri, adakan peruntukan, sedikit sebanyak beri jamuan—hendak menyelamatkan, biar kita keluarkan sedikit wang tetapi keselamatan dan harmoni hubungan penduduk di tepi kawasan landasan keretapi itu dengan pihak Keretapi itu cukup mesra, bahkan mereka akan

menolong melarang budak-budak daripada melempar batu. Jangan! Pihak JKK bermesyuarat dan menerangkan kedudukan sebenarnya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, tentang gerabak-gerabak. Saya telah naik keretapi, saya telah bercakap dalam soalan tambahan dahulu berkenaan dengan nombor gerabak ini. Penumpang itu bila ambil dapat nombor, tempat duduknya tidak ada, rupanya gerabak itu tidak pergi. Berkecamuk penumpang-penumpang ini mencari kerusi, nombor dengan tempat duduk tidak seimbang, tidak selari, tidak ada, tidak wujud gerabak yang tinggal itu dengan yang dibawa. Orang yang menjual tiket itu dia jual tiket, dia beri nombor sedap sangat, kita pun tenang sahaja, lambat sedikit tidak mengapa, rupanya bila naik orang sudah berkecamuk di atas itu.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, bila telah naik keretapi ini hendak buang air kecil tidak ada air. Ini pun satu masalah lagi, air tidak diisikan ataupun paip rosaklah "wallahualam". Jadi terpaksa istinja, istinja tidak ada batu pula, itu tidak tahulah macam mana jadinya. Kemudian tandas dalam koc-koc baru, bila dengar pihak Kementerian ini keluar dalam suratkhbar bercakap di Parlimen koc betul baru tetapi tandas berselekeh, geli rasa memijaknya. Apa sebab macam ini, adakah dicuci begitu sahaja atau tidak ada orang yang hendak memerhatikan atau pegawai-pegawai penyelia yang tidak melihat, itu antara dua itulah atau tidak terbeli vimkah.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Penerbangan Awam. Maksud Bekalan 54, muka surat 252 dan 253.

Jabatan Penerbangan Awam baru-baru ini terdapat berita di dalam akhbar di mana wartawan daripada akhbar tertentu telah membangkitkan

soalan keselamatan di lapangan terbang. Sebelum daripada itu, rakan-rakan pun bercerita berkenaan dengan keselamatan di lapangan terbang ini. Setelah saya temui beberapa wartawan baru-baru ini, saya sendiri telah pergi melihat keadaan penjagaan dari segi keselamatan di lapangan terbang. Saya rasa ianya masih tidak memberi satu jaminan keselamatan.

Contohnya, Tuan Pengerusi, sesiapa sahaja boleh mendapatkan pas masuk dengan memberi alasan-alasan tertentu dengan pas itu kita boleh pergi lalu di lapangan terbang, terutamanya di tingkat bawah tempat mengambil beg dan dari situ pergi menuju ke lapangan terbang. Dengan adanya pas ini tidak ada sesiapa antara pegawai-pegawai keselamatan yang berada di situ menahan dan mengawal, kecuali semalam apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sampai di lapangan terbang, kami pun pergi selepas persidangan Parlimen ini meraikan, bukan main bertindih-tindih pegawai hendak mengawal, hingga kami yang ada motokar, ada yang buat lambang, ada passport, ada pula beg macam ini terletak begitu, oh! beria-ria dijaga, diperiksa, datang dari mana, mana kad. Amboi! yang sudah-sudah itu, Tuan Pengerusi, dibiarkan begitu sahaja. Ada pas, banyak orang boleh dapat pas entah saudara pekerja-pekerja itukah, entah kawan baik diakah, wallahualam, tetapi mereka senang berleluasa di situ. Oleh itu, pada pendapat saya apa yang disebutkan oleh sebuah akhbar baru-baru ini berkaitan dengan kerosakan lampu di lapangan terbang dengan terbukanya gate ke arah lampu itu menunjukkan bahawa keselamatan di lapangan terbang agak sukar untuk terjamin.

Saya sendiri telah duduk di lapangan terbang selama empat jam di Restoran Indah menunggu kawan hendak berangkat ke luar negeri dan

menyaksikan keadaan keselamatan. Dalam masa empat jam saya memerhatikan di sekeliling lapangan terbang itu tidak ada seorang pegawai keselamatan meronda untuk menjamin keselamatan di kawasan lapangan terbang. Oleh itu, saya berharap Menteri berkenaan mengambil perhatian yang serius mengarahkan jabatan ini untuk mempertingkatkan usaha keselamatan, di samping itu pegawai-pegawai keselamatan perlu diberi kursus dan diberi satu latihan supaya mereka cergas menghadapi sebarang masalah yang timbul di lapangan terbang.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita telah keluar negeri menyaksikan pegawai keselamatan itu berjalan, meronda, menjaga keselamatan di lapangan terbang, tetapi di sini empat jam jenuh mencari. Saya pun berbuallah dengan seorang kawan, sambil berbual itu dia berkata memang, kejadian yang saya sedih kata kawan saya itu, ada budak berumur dua tahun, jam 10.00 malam tersangkut tangan budak itu di tangga dekat restoran. Jadi orang datang berkerumum, jadi pengawal pun sama, dia berkerumun menengok begitu. Patutnya kerja pengawal kalau kebakaran dia tolong suraikan keluar-keluar, ini kebakaran ataupun sesuatu kecemasan itu, tetapi tidak, dia pun bersama menengok. Saya merenung, jadi bunyi ceritanya sempena dengan itu sahabat saya menceritakan, Timbalan Menteri Pengangkutan ada di situ, bercakaplah ini yang di hadapan saya ini. Jadi bercakaplah sedikit, maklumlah Timbalan Menteri bercakap, eh! awak siapa kata pengawal itu, kata satu orang itu pula, ini kawan saya bercerita, eh! inilah Timbalan Menteri awak. Sampai macam itu tidak kenal Timbalan Menteri, lepas itu barulah dia bertabik, dia pun barulah suraikan orang, inilah kejadian yang kita tidak ingini sama sekali, Tuan Pengerusi.

Saya menyebut perkara ini kerana lapangan terbang Subang merupakan kebanggaan negara dan pintu masuk orang luar negeri ke negara kita dan pada tahun 1986 nanti kita akan menerima pelancongan iaitu Persidangan PATA, perkara pertama yang diperhatikan ialah kebersihan lapangan terbang. Yang kedua ialah keselamatan dan yang ketiga ialah kemudahan yang dapat diberikan.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya sangat-sangat berharap kepada Kementerian ini akan berusaha untuk meningkatkan usaha memberikan berbagai kemudahan kepada orang ramai, terutama di lapangan terbang.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah masalah restoran. Restoran yang berada di lapangan terbang saya difahamkan bahawa cara Kementerian ini mengambil syarikat-syarikat yang hendak membuka restoran lapangan terbang Subang adalah melalui tender yang tertinggi sekali. Kalau inilah caranya Kementerian bertindak untuk menolong orang ramai dalam bidang perniagaan, maka tidak akan berjaya kerana jika sewa satu ruang restoran sebulan \$35,000 ke atas, perniagaan yang dijalankan mestilah memperoleh sekurang-kurangnya \$50,000 sebulan untuk membayar sewa, gaji dan sebagainya di lapangan terbang tersebut, Tuan Pengerusi. Itulah kita terdapat harga kopi hitam atau kopi "O" secawan \$3 sebab hendak membayar sewa ini. Roti canai \$6. Lengah tidak hendak orang membeli, sewa begitu tinggi, harga terpaksa dimahalkan.

Cuba kita fikir bersama-sama semua orang tahu bahawa Restoran Yasmin, sebuah restoran Melayu telah pun dibatalkan kontraknya kerana tidak mampu membayar sewa \$90,000 sebulan dan telah berhutang dengan Kementerian, itu saya dengar khabar dari sumber yang saya perolehi sebanyak \$1 juta. Oleh kerana tidak

ada apa usaha pihak lapangan terbang ataupun Jabatan Penerbangan Awam menarik orang ramai untuk datang ke lapangan terbang kecuali menghantar dan mengambil keluarga, di samping itu berjalan-berjalan tetapi tidak berani singgah ke restoran, kerana harga makanan begitu mahal disebabkan sewa di lapangan terbang begitu tinggi. Apakah tujuan Kementerian ini berbuat demikian. Kalau benar-benar untuk membantu khususnya bumiputera yang menjalankan perniagaan di situ hendaklah Kementerian mengurangkan sewa supaya peluang untuk mereka berniaga dalam bidang ini boleh maju.

Tuan Pengerusi, menyentuh berkenaan dengan restoran, saya ingin menarik perhatian tentang kebersihan. Pertama sekali kebersihan tandas-tandas—lagi sekali tandas, tidak ada air—selalu tidak ada air terutama tandas yang berhampiran dengan restoran tersebut tadi. Sudahlah berbau, kedapatan air berkurangan, kebetulan pula waktu saya pergi itu, saya pergi ke salah sebuah tandas didapati airnya tidak ada, maka saya pun bertanya tuanpunya restoran tersebut. Mereka menyatakan perkara ini selalu berlaku katanya di lapangan terbang ini. Mengikut katanya sudah penat memberitahu kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam tetapi tindakannya tidak memuaskan.

Di samping itu terdapat juga tikus-tikus berkeliaran dan perkara ini hendaklah diambil perhatian yang segera oleh Kementerian supaya mengarahkan jabatan tersebut mengambil tindakan yang sewajarnya. Jika perlu, tindakan disiplin diambil kepada pegawai-pegawai lapangan terbang yang tidak menjalankan tugas. Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.23 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyokong peruntukan bagi Kementerian Pengangkutan, khasnya saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 54— Jabatan Penerbangan Awam di mana didapati satu kekeliruan dan saya hendak minta penjelasan daripada pihak Kementerian iaitu peruntukan yang diberi hanya cuma \$10 sahaja tetapi bilangan jawatan ialah 3,368 pegawai. Adakah ini kerana vote yang lain telah diperuntukkan untuk JPJ ini atau adakah ini merupakan satu kesilapan.

Yang kedua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang keadaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di bawah Butiran 1, Maksud Pembangunan 54.

Sebenarnya, perkara ini telah pernah saya bangkitkan dahulu tetapi pada ketika itu jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pendapat saya kurang memuaskan, kerana beliau mengatakan bahawa masalah ini tidak begitu serius ataupun tidak ada tetapi pada pendapat saya masalah masih tetap ada dan ini telah disahkan melalui proses saya sembang-sembang dengan Pegawai-pegawai Keselamatan di lapangan terbang itu. Mereka mengakui bahawa masalah ini memang wujud. Ini ialah masalah kawalan keselamatan.

Pada pendapat saya lapangan terbang ini yang besar haruslah dibahagikan ke dalam dua bahagian iaitu bahagian untuk ketibaan dan berlepas antarabangsa dan bahagian dalam negeri. Susunan yang ada sekarang ini tidak membezakan kedua-dua itu.

Pada pendapat saya seorang pendatang haram yang ingin masuk ke dalam negeri akan turun di pintu, katalah, 5 atau 6 dan dia tidak mahu keluar daripada Balai Ketibaan Antarabangsa tetapi dia terus pergi ke

Balai Ketibaan dalam negeri iaitu tidak payah melalui Jabatan Imigresen. Ini memang boleh berlaku. Dan bagi seseorang yang ingin meninggalkan negara kita ini tanpa melalui Jabatan Imigresen pun boleh buat begini dengan membeli dua tiket satu untuk domestic, satu untuk antarabangsa, dia check-in di counter untuk kedua-dua tetapi dia masuk melalui pintu Berlepas dalam negeri iaitu Balai B dengan menunjukkan tiket untuk dalam negeri dan selepas itu dia boleh pergi terus kepada pintu Berlepas bagi penerbangan antarabangsa itu. Ini memang boleh berlaku sekiranya kita tidak membezakan kedua-dua bahagian ini.

Satu perkara lagi, ialah mengenai perkhidmatan klinik di mana saya dapati bahawa doktor hanya bertugas pada waktu pejabat sahaja iaitu di antara 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ini ialah satu Lapangan Terbang Antarabangsa 24 jam. Maka adalah wajarnya perkhidmatan klinik ini pun 24 jam. Dengan adanya seorang doktor sekurang-kurangnya pada setiap masa kerana kadangkala kalau berlaku sesuatu kecemasan maka adalah sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perubatan untuk mengendalikan kecemasan itu.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralih kepada muka surat 257 mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan di mana saya ingin menyentuh sedikit tentang sikap perkhidmatan pegawai-pegawai di Jabatan JPJ. Sungguh pun masalah ini bukanlah khusus kepada JPN tetapi juga menjejaskan perkhidmatan di jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Yang pertama, selalu di JPJ orang ramai beratur dengan begitu panjang untuk membarui lesen untuk membayar dan sebagainya dan kadangkala apabila seorang itu selepas menunggu begitu lama sampai di depan maka sudah sampai masa untuk

pejabat itu ditutup dan kerani dengan begitu senangnya selalu memberitahu bahawa sudah tutup, datanglah pada waktu petang. Apabila dia pergi pada waktu petang pula, dia mestilah beratur dari permulaan dan ini sudah tentu membazirkan masa orang ramai.

Saya berharap bahawa pegawai-pegawai JPJ haruslah bersikap lebih positif di mana sekiranya sudah sampai masa untuk tutup akan mengambil satu anggaran bahawa berapa ramai lagi orang yang boleh diberi perkhidmatan dan janganlah dibiarkan mereka beratur iaitu kita mestilah ada satu sistem di mana kita tutup bukan sahaja di meja tetapi di pintu atau ada satu cara untuk memberitahu orang ramai supaya janganlah menunggu-menunggu. Itu yang pertama.

Yang kedua, selalunya berlaku kesilapan dalam mengisi borang yang dilakukan oleh orang ramai dengan tidak sengaja kerana kebanyakan daripada orang ramai ini bukanlah berpendidikan tinggi dan ada yang buta huruf, ada yang semi-literate maka sikap setengah-setengah pegawai ialah mereka cuma memberitahu orang yang berkenaan itu borang ini tidak boleh diterima kerana ada kesilapan tetapi dengan tidak menunjukkan kepada orang ramai apakah yang salah dan tidak langsung membantu orang ramai untuk membetulkan kesilapan itu.

Pada pendapat saya adalah lebih berkesan, cekap sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan dapat mengambil masa, katalah, seminit dua untuk menunjukkan kepada orang ramai supaya mereka itu mengetahui apakah kesilapan yang dilakukan itu supaya mereka dapat membetulkan dengan serta-merta tanpa keluar lagi mendapatkan borang dari satu pintu yang lain dan selepas itu mengisikan balik lagi dan diberitahu sekali lagi bahawa ada kesilapan lagi. Ini seolah-olah telah ditunjukkan dalam kartun Lat misalnya, maka pada pendapat saya inilah sesuatu yang harus kita memperbaiki supaya JPJ ini dapatlah berfungsi dengan lebih berkesan.

Maka dengan ini saya menyokong peruntukan untuk Kementerian Pengangkutan dengan harapan bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan dapatlah berkhidmat dengan lebih berkesan dan lebih cemerlang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin, 2hb Disember, 1985 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.